

1

JABATAN PERDANA MENTERI

- Jabatan Wilayah Persekutuan
 - Pengurusan Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life)

JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

1. PENGURUSAN PROJEK SUNGAI NADI KEHIDUPAN (RIVER OF LIFE)

ABSTRAK

Projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) merupakan salah satu projek di bawah Program Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan pada tahun 2010, dengan kos siling berjumlah RM4.363 bilion bertujuan mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon waterfront yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Kawasan RoL merangkumi 110 km Lembangan Sungai Klang dan dijangka siap pada tahun 2024.

Pengauditan terhadap Projek RoL dilaksanakan untuk menilai sama ada projek RoL telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan di samping meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas IIB, meningkatkan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat, membangunkan tanah Kerajaan di sekitar lokasi projek dan memberikan pulangan kepada Kerajaan sejumlah RM4 bilion. Secara am, pengauditan tertumpu kepada prestasi dan pengurusan projek di bawah komponen pembersihan dan pengindahan sungai serta pembangunan tanah dalam kawasan RoL.

Secara keseluruhan, projek RoL tidak akan berjaya disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada tahun 2024 walaupun sebanyak RM3.915 bilion telah dibelanjakan untuk projek ini. Sehingga bulan Julai 2023, lapan projek masih dalam pelaksanaan dengan kemajuan di tapak antara 21% hingga 97.3%; kontraktor penyiap belum dilantik untuk dua projek yang ditamatkan kontrak; dan 12 projek masih belum dimulakan (*pra-pelaksanaan*). Analisis Audit mendapati hanya 79.4% kerja pengindahan sungai telah disiapkan dan hanya 50 (16.9%) daripada 296 loji rawatan kumbahan berjaya dirasionalisasi atau dinaiktaraf. Analisis terhadap tempoh projek pula menunjukkan projek lewat disiapkan sehingga melebihi lapan tahun dengan peningkatan kos kepada Kerajaan.

Pengauditan juga mendapati kesemua objektif RoL masih belum berjaya dicapai. Ini termasuk objektif RoL untuk meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas IIB yang sukar untuk dicapai kerana kelemahan dalam aspek perancangan, pelaksanaan projek, tahap operasi aset rendah serta tahap pematuhan efluen dan kesedaran penjagaan sungai yang masih rendah. Hasrat Kerajaan untuk mendapatkan pulangan sehingga RM4 bilion bagi membayai kos pelaksanaan RoL dan mengelakkan penggunaan dana awam juga tidak tercapai kerana hasil penjualan tanah tertakluk kepada pemilik masing-masing.


Selain itu, business model yang tidak komprehensif telah menyebabkan penyenggaraan dan aktiviti RoL masih bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan. Kekurangan ini juga menyebabkan aset RoL tidak disenggara sewajarnya, terbiar, rosak dan tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Pengauditan juga menemui kelemahan dalam aspek tatakelola projek merangkumi perancangan, pemantauan perbelanjaan, penyediaan reka bentuk, pelantikan perunding dan pelaksanaan projek.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada bulan Oktober 2010, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang merupakan usaha menyeluruh untuk mentransformasikan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di bawah ETP, terdapat 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) termasuk Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) yang dilaksanakan melalui sembilan *Entry Point Project* (EPP) untuk menjadikan KL/KV antara bandar raya yang paling berdaya huni di dunia.

1.2. Berdasarkan Memorandum Bersama daripada Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bertarikh 4 Julai 2011, Projek River of Life (RoL) merupakan salah satu daripada sembilan EPP di bawah inisiatif NKEA Greater KL/KV. Antara lain, Memorandum tersebut menyatakan tujuan pelaksanaan Projek RoL adalah untuk mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Tiga komponen utama projek ialah pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah. Maklumat utama projek adalah seperti dalam **Rajah 1** dan **Rajah 2**.


RAJAH 1
MAKLUMAT UTAMA PROJEK



Sumber: Memorandum Bertarikh 4 Julai 2011, Sistem Pemantauan Projek II (SPP II)

Nota: MJM - Mesyuarat Jemaah Menteri

RAJAH 2 STRUKTUR TADBIR URUS RoL



Sumber: Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)

Nota: KSU - Ketua Setiausaha


KP - Ketua Pengarah

DMO - Delivery Management Office

1.3. Memorandum juga menetapkan Projek RoL bermula pada 4 November 2010 dan berakhir pada tahun 2020. Bagaimanapun, pada 6 Disember 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan projek sehingga tahun 2024 kerana projek pembinaan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Serantau Batu, Jinjang, Kepong telah dikategorikan sebagai sakit kerana mengalami kelewatan melebihi 10% dan lima buah pakej RoL belum dimulakan.

1.4. Kawasan RoL merangkumi 110 km Lembangan Sungai Klang di Kuala Lumpur termasuk kawasan di Negeri Selangor iaitu di Daerah Selayang dan Ampang Jaya. Ia melibatkan lapan sungai iaitu Sungai Keroh, Sungai Jinjang, Sungai Batu, Sungai Gombak, Sungai Bunus, Sungai Ampang, Sungai Kerayong dan Sungai Klang seperti dalam **Peta 1**.

PETA 1
LOKASI PROJEK RoL




Sumber: JWP

1.5. Keputusan MJM pada 6 Julai 2011 menyatakan kejayaan Projek RoL akan diukur melalui kejayaan komponen pembangunan tanah iaitu setinggi mana nilai hartanah Kerajaan mampu melonjak naik dan memberikan pulangan yang tinggi kepada Kerajaan. Selain itu, pulangan hasil jualan tanah ini juga akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek RoL dan membolehkan ia bersifat *self-funded*. Manakala Memorandum bertarikh 22 November 2019 pula menyatakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) perlu mengenal pasti *business model* terbaik untuk membantu menjana pendapatan bagi penyenggaraan dan aktiviti RoL dalam mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan.

1.6. Berdasarkan Maklumat Ringkas Senarai Pakej Projek RoL sehingga Ogos 2022 yang disediakan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan maklum balas daripada agensi pelaksana, sebanyak 247 item perbelanjaan telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Dalam komponen pembersihan sungai, sebanyak 13 *Key Initiative* (KI) telah dilaksana melibatkan secara keseluruhannya 201 item perbelanjaan (81.4%). Bagi komponen pengindahan sungai pula, sebanyak 24 (9.7%) item perbelanjaan terlibat. Selain itu, terdapat 22 (8.9%) item perbelanjaan di bawah komponen pengurusan yang melibatkan kos umum seperti kos *Project Delivery Partner* (PDP), lawatan teknikal, penganjuran seminar dan bengkel, naik taraf Pejabat Lembangan Sungai Klang dan kerja ukur pewartaan rizab sungai bagi Projek RoL.

1.7. Analisis Audit terhadap item perbelanjaan mengikut jenis perolehan pula mendapati 159 (64.3%) daripada 247 item perbelanjaan ialah kontrak kerja fizikal manakala 39 (15.8%) ialah kontrak perkhidmatan perunding. Item perbelanjaan yang lain ialah

26 (10.5%) perkhidmatan lain, 10 (4%) pelaksanaan kajian dan satu (0.4%) kontrak bekalan. Baki 12 (5%) item ialah perbelanjaan aktiviti (tanpa kontrak) seperti lawatan teknikal, pertandingan Pelan Induk RoL, pengambilan balik tanah dan lain-lain. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.



Sumber: Maklumat Ringkas Senarai Pakej Projek RoL yang disediakan JWP dan Maklum Balas daripada Agensi Pelaksana

Nota:
RC - Pembersihan Sungai
RB - Pengindahan Sungai
Mgt - Pengurusan

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek RoL telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bertujuan:

- a. Meningkatkan kualiti air sungai kepada Kelas IIB;
- b. Meningkatkan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat;
- c. Membangunkan tanah Kerajaan di sekitar lokasi projek pembersihan dan pengindahan; dan
- d. Memberikan pulangan kepada Kerajaan sejumlah RM4 bilion.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi pencapaian projek dan pengurusan projek. Prestasi pencapaian projek dinilai berdasarkan kemajuan fizikal dan pencapaian empat objektif projek yang telah ditetapkan. Bagi aspek pengurusan projek pula, perkara yang disemak meliputi peruntukan dan perbelanjaan, perancangan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan projek, operasi dan penyenggaraan serta pewartaan rizab sungai.

3.2. Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi tempoh 2018 hingga 2023. Pengauditan telah dilaksanakan di JWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Sesi libat urus juga telah dilaksanakan dengan Bahagian Perolehan Kerajaan di Kementerian Kewangan (MoF), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Ekonomi, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

3.3. Sebanyak 41 daripada 139 kontrak kerja fizikal di bawah komponen pembersihan sungai dan tujuh daripada 12 kontrak kerja di bawah komponen pengindahan sungai telah dipilih sebagai sampel pengauditan terperinci. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan risiko seperti projek yang lewat disiapkan, projek ditamatkan kontrak dan projek tidak beroperasi selepas disiapkan. Selain itu, sampel Audit juga meliputi 25 kontrak perkhidmatan seperti penyediaan pelan induk, perunding projek, kajian, penyenggaraan dan pensampelan kualiti air.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan dari bulan November 2022 hingga Mei 2023. Penemuan Audit serta maklum balas daripada JWP, JPS, JPP, DBKL, MPAJ dan MPS serta agensi berkaitan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 15 November 2023. Sehubungan itu, penemuan Audit seperti status kemajuan fizikal, penyewaan kemudahan dan operasi aset telah dikemas kini berdasarkan maklum balas dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh auditi. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Pencapaian Projek

5.1.1. Kemajuan Fizikal

- a. Secara keseluruhan, sebanyak 159 kontrak kerja/projek fizikal telah dirancang untuk pelaksanaan. Berdasarkan Maklumat Ringkas Senarai Pakej Projek RoL oleh KWP dan maklum balas agensi pelaksana, setakat bulan Julai 2023, 145 projek telah dimulakan, 12 masih dalam peringkat pra pelaksanaan dan dua telah dibatalkan. Analisis lanjut menunjukkan sebanyak 135 (84.9%) daripada 159 projek telah berjaya disiapkan manakala lapan (5.0%) projek dalam pelaksanaan, 12 (7.5%) dalam pra pelaksanaan, dua (1.3%) ditamatkan kontrak

yang mana kontraktor penyiap belum dilantik dan dua (1.3%) dibatalkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK FIZIKAL SETAKAT BULAN JULAI 2023

STATUS	KOMPONEN PROJEK			JUMLAH	%
	BIL. KONTRAK PEMBERSIHAN SUNGAI	BIL. KONTRAK PENGINDAHAN SUNGAI	BIL. KONTRAK PENGURUSAN		
Siap	119	8	8	135	84.9
Dalam Pelaksanaan	8	-	-	8	5.0
Kontrak Ditamatkan	1	1	-	2	1.3
Pra Pelaksanaan*	9	3	-	12	7.5
Batal	2	-	-	2	1.3
JUMLAH	139	12	8	159	100

Sumber: Maklumat Ringkas Senarai Pakej Projek RoL oleh KWP dan Maklumat Balas Agensi Pelaksana

Nota: (*) - Projek Dalam Fasa Cadangan atau Perancangan (Penyediaan Spesifikasi/Tender)

- b. Analisis Audit terhadap tempoh penyiapan bagi 135 projek setakat Julai 2023 mendapati 26 (19.3%) projek telah siap mengikut jadual dan 48 (35.5%) projek telah siap dengan Pelanjutan Masa (EOT) antara 27 hingga 2,227 hari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menganalisis baki 61 (45.2%) projek yang telah siap kerana data projek yang lengkap seperti tarikh siap sebenar dan maklumat EOT tidak disenggara oleh *Delivery Management Office* (DMO) di JWP atau agensi pelaksana. Analisis Audit juga mendapati kemajuan di tapak bagi lapan projek yang masih dalam pelaksanaan ialah antara 21% hingga 97.3%.
- c. Berdasarkan keputusan MJM pada 6 Disember 2019, Projek RoL akan disiapkan pada tahun 2024. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap tarikh siap bagi lapan projek dalam pelaksanaan mendapati **satu projek dijangka hanya akan disiapkan pada 16 Julai 2025** iaitu selepas tamat tempoh pelaksanaan RoL pada tahun 2024. Semakan Audit juga mendapati kontraktor penyiap bagi Projek LRK Serantau Batu yang ditamatkan kontrak pada 2 Disember 2022 (semasa kemajuan kerja pada tahap 45.8%) masih belum dilantik¹. Kelewatan ini akan menyebabkan **projek ini tidak akan berjaya disiapkan dalam tempoh Projek RoL**. Analisis lanjut Audit juga menunjukkan kelewatan penyiapan projek LRK Serantau Batu juga memberi kesan kepada tarikh penyiapan dua projek paip pembetungan yang bergantung kepada kesediaan LRK Serantau Batu untuk menerima aliran kumbahan. Selain itu, masih terdapat 12 projek dalam peringkat pra-pelaksanaan yang masih dalam fasa penyediaan spesifikasi tender atau perancangan.

¹ Penemuan terperinci adalah di perenggan 5.1.1.1.d.

Maklum balas JWP yang diterima pada 8 September 2023 dan 22 November 2023

JWP akan menambahbaik pemantauan dan pelaporan projek-projek RoL. JWP juga akan membuat penambahbaikan tatakelola dari segi pemantauan dan tadbir urus yang lebih berkesan selari dengan gagasan membangunkan Malaysia MADANI seperti berikut:

- a. Meningkatkan lawatan turun padang ke tapak projek sama ada secara mengejut atau dengan notis awal sebagai usaha mendapatkan input secara terus yang lebih realistik daripada pihak kontraktor berkaitan isu-isu projek yang berbangkit; dan
- b. Kehadiran pegawai dalam mesyuarat tapak projek bagi membolehkan langkah pencegahan kelewatan pelaksanaan projek diambil pada peringkat awal.


JWP sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan hala tuju baharu Projek RoL dan pelanjutan tempoh pelaksanaan pakej-pakej RoL yang belum disiapkan. Status terkini memorandum berkaitan adalah dalam tindakan peringkat akhir Bahagian Dasar JWP dan akan dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam tempoh terdekat untuk proses seterusnya supaya dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Pendapat Audit	Projek RoL tidak akan berjaya disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada tahun 2024 kerana lapan projek masih dalam pelaksanaan dengan kemajuan di tapak antara 21% hingga 97.3%; kontraktor penyiap bagi dua projek yang ditamatkan kontrak belum dilantik; dan 12 projek belum dimulakan.
-----------------------	--

5.1.1.1. Komponen Pembersihan Sungai

Komponen pembersihan sungai dilaksanakan melalui 13 inisiatif utama atau KI dengan 128 projek telah dilaksanakan, sembilan projek dalam peringkat pra pelaksanaan dan dua projek dibatalkan. Berdasarkan maklum balas agensi pelaksana, sehingga bulan Julai 2023, sebanyak 119 (93%) projek telah siap, lapan projek (6.2%) masih dalam pelaksanaan (kos kontrak RM1.007 bilion) dengan kemajuan kerja antara 21% hingga 97.3% dan satu projek (0.8%) telah ditamatkan kontrak. Bagi projek dalam pelaksanaan, analisis Audit mendapati lima projek masih dalam tempoh kontrak asal dan dijangka siap antara bulan Januari 2024 hingga Mei 2025. Baki tiga projek telah diluluskan antara lima hingga 13 pelanjutan masa (EOT) dengan tempoh antara 2,098 hingga 2,938 hari. Butiran terperinci status pelaksanaan projek adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI SETAKAT JULAI 2023



Sumber: Ilustrasi JAN

a. Projek Rasionalisasi 17 LRK di Keramat, Setapak dan Wangsa Melawati (Pakej 2)

- Berdasarkan dokumen kontrak dan Minit Mesyuarat Tapak Bil. 6/2022 pada 22 Jun 2022, Kerja Rasionalisasi² 17 LRK (Pakej 2) telah dilaksanakan mulai 2 Mei 2013 dengan tarikh siap asal pada 1 November 2015 iaitu selama 30 bulan dengan kos kontrak berjumlah RM49.00 juta. Sehingga bulan Julai 2023, projek ini telah diluluskan **13 EOT dengan jumlah 2,938 hari**. Kemajuan kerja semasa ialah pada tahap 97.3% dengan tarikh siap baharu pada 16 November 2023.
- Semakan Audit mendapati sebab utama EOT diluluskan ialah kerana isu kelewatan pembinaan stesen pam KLR 146 iaitu selama 1,803 hari (61.4%) daripada tempoh keseluruhan EOT. Berdasarkan dokumen permohonan dan kelulusan EOT, kelewatan ini adalah disebabkan perubahan reka bentuk dan penggantian pam akibat reka bentuk pam yang tidak mencapai spesifikasi *Malaysian Sewerage Industry Guidelines* (MSIG)³. Perkara ini telah menyebabkan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) No.8 berjumlah RM2.16 juta telah diluluskan untuk menyelesaikan isu pam.

² Loji kecil dan tidak cekap akan dirasionalisasikan melalui pembinaan loji berpusat dan serantau yang berkapasiti besar serta menggunakan teknologi yang cekap.

³ Penemuan terperinci adalah di perenggan 5.2.4.1.b.

iii. Selain itu, kelewatan penyiapan projek telah menyebabkan perkara berikut:

- tuntutan kerugian dan perbelanjaan *Loss and Expenses* (L&E) oleh kontraktor berjumlah RM349,668 yang merangkumi tuntutan bagi EOT No. 6, 7 dan 8;
 - peningkatan kos perunding sejumlah RM4.09 juta; dan
 - lapan LRK lama dan tidak cekap masih belum dinyahtauih dan masih beroperasi dengan pelepasan efluen Standard B⁴ yang lebih rendah berbanding LRK serantau yang direka bentuk untuk mematuhi Standard A.
- iv. Lawatan fizikal Audit ke LRK KLR 146, AMA 007 dan AMA 046 pada 21 Mac 2023 mendapati LRK tersebut masih beroperasi seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



Loji Rawatan Kumbahan KLR 146, Wangsa Maju
- Keadaan LRK KLR 146 yang Belum Dinyahtauih dan Masih Beroperasi
(21.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



GAMBAR 3



Loji Rawatan Kumbahan AMA 007,
Lembah Keramat
- LRK AMA 007 yang Belum Dinyahtauih dan
Masih Beroperasi
(21.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Loji Rawatan Kumbahan AMA 046,
Lembah Keramat
- LRK AMA 046 yang Belum Dinyahtauih dan
Masih Beroperasi
(21.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

⁴ Merujuk kepada Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

**Maklum balas JPP yang diterima pada 8 September 2023,
12 Disember 2023 dan 21 Mac 2024**

Tuntutan L&E oleh kontraktor bagi EOT No. 6 dan 7 berjumlah RM224,988 akan diangkat ke Mesyuarat CCP Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). JPP dalam proses untuk menyediakan dan memuktamadkan dokumen berkaitan. Pada 16 November 2023, projek ini telah diluluskan EOT No. 14 selama 23 hari dan kemudian pada 9 Disember 2023 EOT No. 15 telah diluluskan untuk tempoh 38 hari. Kemudian pada 17 Januari 2024, projek ini telah berjaya disiapkan dan dikeluarkan *Certificate of Practical Completion* (CPC).

b. Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan dan Rasionalisasi LRK di Batu, Jinjang, Kepong (Pakej D43)

- i. Berdasarkan dokumen kontrak, Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan di Batu, Jinjang, Kepong (Pakej D43) telah dimulakan pada 8 April 2014 dan sepatutnya disiapkan pada 7 April 2018 dengan kos kontrak berjumlah RM399.31 juta. Semakan Audit mendapati projek ini telah diluluskan enam EOT berjumlah 2,407 hari. Kemajuan fizikal projek setakat bulan Julai 2023 adalah pada tahap 96.1% dengan tarikh siap baharu pada 8 November 2024.
- ii. Semakan Audit terhadap sijil EOT mendapati sebab utama projek ini lewat disiapkan ialah kerana **ketidaksediaan LRK Serantau Batu untuk menerima aliran kumbahan dari rangkaian paip pembetungan Pakej D43**. Berdasarkan Minit Mesyuarat *Coordination and Implementation Committee* (CIC) Bil. 2/2023 pada 12 Mei 2023, tiada kerja fizikal dapat dijalankan di tapak sehingga projek LRK Serantau Batu disambung semula.
- iii. Kelewatan menyiapkan Projek D43 telah menyebabkan perkara berikut:
 - kontraktor menuntut **L&E berjumlah RM21.39 juta** (EOT No. 1 berjumlah RM10.18 juta dan EOT No. 4 berjumlah RM11.21 juta);
 - Perjanjian Tambahan akan ditandatangani bersama kontraktor untuk kerja penyenggaraan rangkaian paip, *Network Pump Station* (NPS) dan *Temporary Treatment Facility* (TTF) dengan anggaran **kos tambahan berjumlah RM77 juta**; dan
 - 61 LRK lama tidak dapat dinyahtauliah dan masih beroperasi dengan pelepasan efluen Standard B yang lebih rendah berbanding LRK Serantau yang direka bentuk untuk mematuhi Standard A.

Maklum balas JPP yang diterima pada 12 Disember 2023

Dua tuntutan L&E dari kontraktor berjumlah RM21.39 juta akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan JPP yang dijangka diadakan pada suku tahun pertama 2024.

Perjanjian Tambahan dengan kontraktor dijangka akan ditandatangani pada suku tahun kedua 2024 dengan mengambil kira kelulusan Arah Perubahan Kerja (APK) yang akan dimasukkan dalam kandungan Perjanjian Tambahan tersebut yang mana melibatkan skop kerja baru dan kos tambahan. JPP masih dalam proses untuk memuktamadkan skop kerja dan kos tambahan yang terlibat sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja dan Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian serta kelulusan APK perlu diangkat ke peringkat MoF pada suku tahun pertama 2024.

c. Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan di Bunus, Kuala Lumpur (Pakej D44)

- i. Berdasarkan dokumen kontrak, Pembinaan Rangkaian Pembetungan di Bunus Kuala Lumpur (Pakej D44) telah dimulakan pada 25 Februari 2014 dan sepatutnya disiapkan pada 24 Februari 2018 dengan kos berjumlah RM393.98 juta. Semakan Audit mendapati projek ini telah diluluskan **lima EOT berjumlah 2,098 hari** dengan tarikh siap baharu pada **22 November 2023**. Setakat 16 Ogos 2023, kemajuan fizikal pakej ini adalah **92.3% berbanding jadual 94.5%**.
- ii. Kelewatian projek telah menyebabkan tiga Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berjumlah RM2.62 juta dikeluarkan untuk baik pulih kerosakan pam, operasi dan penyenggaraan NPS. Selain itu, akibat kelewatian projek, sebanyak 73 LRK/NPS lama masih belum dapat dinyaatauliah dan masih terus beroperasi dengan standard pelepasan efluen yang rendah.
- iii. Lawatan fizikal Audit ke NPS AMA190 pada 15 Mac 2023 pula mendapati peralatan mekanikal yang telah siap dipasang tidak beroperasi disebabkan paip pembetungan masih belum siap seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



GAMBAR 6



Stesen Pam AMA190

- NPS AMA190 yang Telah Siap Dibina Pada Tahun 2019 Masih Belum Beroperasi
(15.03.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JPP yang diterima pada 3 Ogos 2023 dan 21 Mac 2024

Kerja-kerja pengujian dan pentauliahan NPS190 akan dilaksanakan setelah rangkaian paip pembetungan siap dan sedia menerima kumbahan. Pada 9 November 2023, EOT No. 6 telah diluluskan untuk tempoh 232 hari atas sebab kekangan pembinaan jajaran paip dan kelewatan pembinaan paip pembetung graviti. Tarikh siap baharu projek ialah pada 11 Julai 2024.

d. Projek LRK Serantau Batu, Jinjang, Kepong

- i. Berdasarkan Klausus 2 Dokumen Kontrak LRK Serantau Batu, projek hendaklah disiapkan dalam tempoh 36 bulan dari tarikh pemilikan tapak. Berdasarkan Surat Setuju Terima, tarikh pemilikan tapak ialah pada 14 Disember 2015 dan projek sepatutnya disiapkan pada 13 Disember 2018. Projek ini dilaksanakan secara konvensional perunding dengan kos asal pembinaan berjumlah RM402.32 juta dan sebanyak tiga perunding telah dilantik dengan kos asal berjumlah RM5.75 juta.
- ii. Semakan Audit terhadap Sijil EOT mendapati projek ini telah diluluskan **sembilan EOT selama 1,398 hari** iaitu sehingga 13 Oktober 2022. Mesyuarat CCP Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) Bil. 5/2022 pada 1 Ogos 2022 telah sebulat suara memperakarkan penamatan kontrak berdasarkan Klausus 52.0 (Termination on National Interest). Berdasarkan Kertas Perakuan Projek Sakit untuk Pertimbangan CCP bertarikh 8 Julai 2022, antara masalah yang dihadapi untuk menyiapkan projek ialah pertikaian berpanjangan antara kontraktor dengan perunding berhubung isu berkaitan reka bentuk, percanggahan interpretasi kontrak antara perunding dan kontraktor serta masa yang diperlukan untuk penyiapan projek yang munasabah adalah lebih panjang berbanding EOT yang layak oleh kontraktor.

- iii. Pada 12 Oktober 2022, JPP telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap dan seterusnya Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 27 Oktober 2022 atas kepentingan nasional. Semasa penamatan kontrak, kemajuan fizikal projek berada pada tahap 45.8%. Sehingga Mac 2023, nilai kerja yang telah dilaksanakan dan amaun lain yang kena bayar adalah berjumlah RM138.74 juta. Kontraktor juga telah dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) selama 49 hari mulai 14 Oktober 2022 sehingga 1 Disember 2022 berjumlah RM3.70 juta.
- iv. Selanjutnya, pihak Audit mendapati sehingga bulan November 2023, **pelantikan kontraktor penyiap masih belum selesai**. Semakan Audit mendapati pada 3 November 2023, MoF telah meluluskan **pengecualian khas pematuhan PK 4.5 untuk pelantikan kontraktor penyiap secara kaedah reka dan bina** bagi projek LRK Serantau Batu. MoF juga meluluskan **pengecualian khas untuk melanjutkan tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap sehingga 27 April 2024**.
- v. Semakan Audit juga mendapati kelewatan penyiapan projek dan kelewatan pelantikan kontraktor penyiap telah mengakibatkan perkara berikut:
- **peningkatan kos yang dianggarkan sehingga RM129.27 juta** disebabkan peningkatan kos perunding, tuntutan *Loss and Expenses* dan kos operasi serta penyenggaraan *temporary treatment plant* dan LRK sedia ada;
 - proses rasionalisasi 163 LRK lama dengan kapasiti 620,304 *Population Equivalent* tertangguh. Perkara ini memberi kesan kepada kualiti air sungai ROL; dan
 - sebanyak dua projek paip pembetungan tidak dapat disiapkan selagi LRK Serantau Batu tidak bersedia untuk menerima aliran kumbahan dari paip pembetungan ini.
- vi. Lawatan fizikal Audit pada 22 Mac 2023 mendapati keadaan fizikal LRK Serantau Batu adalah seperti dalam **Gambar 7** dan keadaan KLR 301 yang masih beroperasi seperti dalam **Gambar 8**.

GAMBAR 7

Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu
- Main Process Plant Fasa 1 (Temporary Treatment Facilities/TTF) yang Beroperasi
(Sumber: JPP)

GAMBAR 8

Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu
- KLR 301 yang Belum Nyahtaullah dan
Masih Beroperasi
(22.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JPP yang diterima pada 4 Ogos 2023 dan 15 Disember 2023

Proses tender untuk lantikan kontraktor penyiap dijangka selesai pada bulan Mac 2024. Mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan bersidang pada 15 Disember 2023 bagi membincangkan tuntutan kontraktor berkenaan:

- a. Tuntutan L&E Lanjutan Masa No. 8 dan No. 9; dan
- b. Tuntutan kepada APK No.3-Perubahan Bahan Paip dan Jajaran Kerja-kerja Perpaipan Pembetungan.

Maklum balas JWP yang diterima pada 8 September 2023 dan 22 November 2023

Pelaksanaan penyiapan baki kerja LRK Serantau Batu dicadang untuk diteruskan oleh pihak NRECC selepas tamat tempoh DMO pada November 2024.

**Pendapat
Audit**

Prestasi projek pembersihan sungai adalah kurang memuaskan terutama bagi projek pembetungan. Kelewatan penyiapan empat projek pembetungan telah memberi kesan termasuk peningkatan kos dianggarkan sehingga RM234.72 juta dan manfaat projek lewat diterima melebihi lapan tahun.

5.1.1.2. Komponen Pengindahan Sungai


Komponen pengindahan sungai terdiri dari kerja pengindahan yang dilaksanakan di sepanjang 10.7 km koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak dan pembinaan dua *collapsible weir* (CW). Semakan Audit mendapati sehingga 31 Julai 2023, sembilan projek pengindahan sungai telah dilaksanakan dengan kos sejumlah

RM941.22 juta di mana lapan projek telah disiapkan dan satu projek tidak berjaya disiapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

a. Jajaran 10.7 km Koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak

- i. Memorandum bertarikh 4 Julai 2011 menyatakan usaha untuk meningkatkan daya maju ekonomi kawasan *waterfront RoL* serta **kerja-kerja pengindahan sungai akan dilaksanakan di sepanjang 10.7 km** koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak. Perkara ini turut dinyatakan dalam Pelan Induk RoL yang mencadangkan lima zon melibatkan jajaran sepanjang **10.7 km di pesisir sungai**.
- ii. Semakan Audit mendapati kerja pengindahan telah dilaksana dan disiapkan melalui tujuh kontrak dengan kos berjumlah RM900.35 juta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kerja pengindahan sungai **hanya dilaksanakan di sepanjang 8.5 km (79.4%)** berbanding 10.7 km yang ditetapkan dalam Pelan Induk RoL dan Memorandum kepada MJM. Semakan Audit selanjutnya mendapati Pakej 1E, 1F dan 1G yang melibatkan jajaran 2.2 km tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
JAJARAN PROJEK PENGINDAHAN SUNGAI RoL



Sumber: DBKL

- iii. Pakej 1F dan 1G tidak dilaksanakan kerana kawasan tersebut akan dibangunkan sebagai sebahagian daripada skop Projek KL River City. Pakej 1E pula dikeluarkan dari Projek RoL bagi mengelakkan pertindihan tapak dengan projek DUKE 3 dan Projek KL River City. Butiran lanjut mengenai pembatalan Pakej 1E, 1F dan 1G adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SEBAB PAKEJ 1E, 1F DAN 1G TIDAK DILAKSANAKAN

TARIKH	SUMBER	BUTIRAN
14.05.2015	Surat KSU KWP	Pakej 1F - One Malaysia Park akan dibangunkan oleh syarikat 839361-X sebagai sebahagian daripada skop Projek KL River City
24.06.2015	Perenggan 1.(a)(i)(5) Keputusan MJM	Komponen RoL di sepanjang 2.2 km Projek KL River City termasuk Pakej 1G dimasukkan sebagai sebahagian dari skop Projek KL River City dan dilaksanakan melalui <i>design and build</i> secara rundingan terus kepada syarikat 839361-X
19.10.2015	Mesyuarat CIC Bil. 1/2015	Pakej 1E: Kolam Puah dikeluarkan dari Projek RoL bagi mengelakkan berlaku kelewatan pelaksanaan kerana berlaku pertindihan tapak dengan projek DUKE 3 dan Projek KL River City

Sumber: Surat Menyurat, MJM, Mesyuarat CIC

- iv. Pembatalan Pakej 1E, 1F dan 1G telah menyebabkan skop utama komponen pengindahan seperti pembangunan sepanjang koridor sungai untuk rekreasi, menyediakan kemudahan awam dan taman awam untuk beriadah dan reka bentuk urban tidak tercapai sepenuhnya. Pembatalan pakej ini juga telah menyebabkan hanya satu (Titiwangsa) daripada tiga habitat flora dan fauna yang luas berjaya dibangunkan. Dua lagi kawasan yang tidak dibangunkan ialah Kolam Puah (Pakej 1G) dan One Malaysia Park (Pakej 1F). Selain itu, dua lot tanah rizab kawasan lapang (Lot 194 dan 497) yang merupakan tapak untuk pelaksanaan Pakej 1F telah dibuat pemberimilikan kepada syarikat 584757-T pada tahun 2018. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas DBKL **sehingga November 2023 tapak ini masih belum dibangunkan⁵.**
- v. Pihak Audit juga mendapati ketika keputusan dibuat untuk mengeluarkan Pakej 1E, 1F dan 1G daripada Projek RoL, ketiga-tiga pakej telah selesai peringkat semakan teknikal (reka bentuk). Semakan Audit terhadap Ringkasan Bayaran daripada Sijil Kemajuan Bayaran Perunding No. 41 mendapati sejumlah **RM12.13 juta bayaran telah dibuat untuk penyediaan *schematic design* ketiga-tiga pakej.** Perubahan keputusan mengenai pelaksanaan projek telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana *schematic design* berkenaan tidak digunakan.

Maklum balas JWP yang diterima pada 8 September 2023, 17 Oktober 2023 dan 22 November 2023

MJM pada 8 September 2023 telah bersetuju supaya projek KL River City dibatalkan. Komponen asal projek pengindahan sungai di sepanjang 2.2 km Sungai Gombak bagi Pakej 1E, 1F dan 1G akan dilaksanakan semula oleh pihak DBKL dengan

⁵ Penemuan terperinci adalah di perenggan 5.1.2.3.a.

menggunakan peruntukan pembangunan sedia ada berjumlah RM187 juta secara tender terbuka. JWP juga akan berbincang dengan DBKL bagi pelaksanaan projek yang melibatkan rizab sungai sahaja. JWP akan memantau secara dekat perancangan pelaksanaan Pakej 1E, 1F dan 1G bagi memastikan objektif komponen pengindahan RoL melibatkan Sungai Gombak dan Sungai Klang sepanjang 10.7 km tercapai.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023


DBKL akan melaksanakan Kajian Kemungkinan sebelum projek ini boleh diteruskan (dalam tempoh masa tiga hingga enam bulan). Ini adalah bagi mengkaji semula keperluan projek yang melibatkan antaranya status pemilikan tanah, persempadanan projek, libat urus bersama agensi yang terlibat dan kebolehlaksanaan reka bentuk mengikut reka bentuk Pelan Induk oleh perunding.

b. *Collapsible Weir*

Berdasarkan *Schematic Design, rubber dam atau collapsible weir(CW) akan dibina di Dayabumi Promenade* (Presint 7) sebagai salah satu komponen dalam pengindahan sungai. Semakan Audit mendapati JPS telah membina dua unit CW iaitu CW D4 di kawasan Dayabumi dan CW D5 di kawasan Brickfields dengan objektif untuk meningkatkan paras air sungai bagi memberi nilai estetika kepada Sungai Gombak dan Sungai Klang. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Projek CW D4 di Kawasan Dayabumi

- Projek CW D4 telah disiapkan pada 20 September 2017 dengan kos berjumlah RM16.24 juta. Semakan Audit terhadap surat KWP bertarikh 12 November 2020 mendapati CW D4 tidak beroperasi sejak bulan Julai 2020 yang mana ia telah rosak semula selepas siap dibaiki pada bulan Jun 2020. Selain itu, di sepanjang tempoh September 2017 hingga Julai 2020, CW ini telah mengalami **14 kerosakan atas faktor seperti hos bocor dan kegagalan sistem hidraulik.**
- Semakan Audit selanjutnya mendapati kos pembaikan bagi 12 kerosakan telah ditanggung oleh kontraktor (dalam tempoh tanggungan kecacatan), manakala kos pembaikan kali ke 13 berjumlah RM0.38 juta telah ditanggung oleh JPS. Kerosakan ke-14 pada bulan Julai 2020 tidak dibaiki sehingga kini. Lawatan fizikal Audit pada 17 Januari 2023 mendapati CW ini tidak beroperasi dan hanya satu daripada empat pintu air yang masih berfungsi iaitu *Tilting Gate 3* seperti dalam **Gambar 9** dan **Gambar 10**.

GAMBAR 9**GAMBAR 10**

CW D4, Sungai Klang, Kuala Lumpur

- CW Tidak Beroperasi dan Hanya *Tilting Gate 3* yang Masih Berfungsi
(17.01.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Lanjutan isu kerosakan yang berulang dan kos pembaikan yang tinggi, JPS melalui KWP telah mengemukakan permohonan pembinaan pintu air baharu bagi menggantikan CW D4 kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 28 Julai 2021. Reka bentuk pintu air baharu ini akan menggunakan *roller/radial gate* yang mudah disenggara di lokasi baharu. Perkara ini telah diluluskan oleh UPE pada 12 November 2021 dengan **kos pembinaan berjumlah RM35.18 juta** menggunakan kos sedia ada Projek RoL.

ii. Projek CW D5 di Kawasan Brickfields

- Kontrak kerja bagi projek CW D5 dengan kos berjumlah RM16.75 juta telah ditamatkan pada 18 Jun 2019 semasa peratus kerja pada tahap 96%. Sehingga kini, projek ini masih belum disiapkan. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* (CCP) Bil. 3/2019 yang bersidang pada 8 Mei 2019 mendapati tindakan penamatan kontrak ini dilaksanakan berpunca daripada kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, sistem yang dibekalkan tidak berfungsi mengikut kehendak reka bentuk dan kerja tidak dapat disiapkan pada tarikh siap kerja yang ditentukan iaitu pada 15 Februari 2018. Berdasarkan Perakuan Bayaran Interim No. 29, kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM0.68 juta.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati Projek Menyiapkan Baki Kerja CW D5 telah ditender semula pada 2 November 2021. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Perolehan (LP) KASA pada 8 Februari 2022 telah memutuskan supaya tender tersebut dibatalkan kerana peruntukan berjumlah RM4.50 juta tidak mencukupi untuk menyiapkan baki kerja CW D5.

- Lawatan fizikal Audit pada 17 Januari 2023 mendapati *tilting gate* tidak berfungsi sepenuhnya dan bahan binaan masih terbiar di kawasan tapak projek seperti dalam **Gambar 11** dan **Gambar 12**.

GAMBAR 11



Tapak Projek CW D5, Sungai Klang,
Kuala Lumpur
- Keadaan *Tilting Gate* Tidak Berfungsi untuk
Menahan Air Sungai
(17.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Tapak Projek CW D5, Sungai Klang,
Kuala Lumpur
- Bahan Binaan Masih Terbiar di Tapak Projek
(17.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Kerajaan telah membelanjakan RM33.37 juta untuk pembinaan dan pemberian CW D4 dan D5. Bagaimanapun, kedua-dua struktur ini masih tidak beroperasi mengakibatkan objektif pembinaan untuk peningkatan paras air sungai bagi memberi kesan estetika belum tercapai. Selain itu, Kerajaan juga menanggung kos tambahan sejumlah RM35.18 juta bagi pembinaan pintu air baharu D4 seperti yang diluluskan UPE pada 12 November 2021. Peralatan seperti pam, komponen mekanikal dan elektrikal yang terbiar di lokasi projek D5 juga berisiko rosak.


Maklum balas JPS yang diterima pada 14 Disember 2023

Mesyuarat Memuktamadkan Hala Tuju Projek CW D4 dan D5 pada 4 Disember 2023 telah memutuskan supaya Bengkel Mini Kejuruteraan Nilai perlu dilaksanakan untuk mengkaji kesesuaian reka bentuk pintu air CW D4 dan D5 serta permasalahan keseluruhan CW bagi memastikan objektif pembinaan CW dapat dicapai.

Pendapat Audit	Secara keseluruhan, komponen pengindahan sungai masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Perubahan dalam keputusan pelaksanaan projek KL River City telah menjaskankan pelaksanaan kerja pengindahan. Selain itu, objektif <i>collapsible weir</i> bagi meningkatkan nilai estetika Sungai Klang juga masih belum tercapai. Kerajaan juga menanggung kos tambahan untuk pembinaan pintu air baharu D4 dan pemberian serta penyiapan projek CW D5.
-----------------------	---

5.1.2. Prestasi Pencapaian Objektif

Berdasarkan maklumat dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dan keputusan MJM, sebanyak empat objektif telah ditetapkan untuk Projek RoL seperti dalam **Carta 3.**



Sumber: SPP II

5.1.2.1. Peningkatan Kualiti Air Sungai kepada Kelas IIB

- Butir-butir Keputusan MJM pada 6 Julai 2011 menyatakan "Komponen pembersihan sungai adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai daripada kelas semasa iaitu Kelas III (yang tidak sesuai untuk disentuh) kepada Kelas IIB (sesuai untuk disentuh untuk tujuan rekreasi) menjelang tahun 2020." Merujuk Indeks Kualiti Air (IKA) yang dikeluarkan oleh JAS, kualiti air sungai dikategorikan Kelas II apabila bacaan IKA antara 76.5 hingga 92.7, manakala Kelas III antara 51.9 hingga 76.5. Selain itu, JAS pada 17 April 2023 telah memberikan ulasan bahawa "Untuk menentukan sama ada air sungai selamat untuk disentuh bagi tujuan rekreasi, IKA perlu dibaca bersama *National Water Quality Standard* iaitu dengan mengambil kira parameter *Total Coliform* Kelas IIB iaitu tidak melebihi 5,000 cfu/100 ml."
- Semakan Audit terhadap data *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) daripada JAS mendapat **Kualiti Air Sungai di Stesen 1K25 di Mid Valley pada bulan Mei 2023 masih berada di Kelas III** dengan bacaan IKA 72. Analisis terhadap data EQMP bagi tempoh 2018 hingga Mei 2023 mendapat Stesen 1K25 pernah merekodkan bacaan IKA Kelas II iaitu pada bulan Mei 2021 dan November 2022. Baki 30 pensampelan kualiti air merekodkan Kelas III dengan IKA antara 52 hingga 76 dan satu bacaan Kelas IV dengan IKA 51 pada bulan Mac 2020. Analisis lanjut terhadap bacaan *Total Coliform* bagi tempoh sama pula mendapat **air sungai tidak sesuai untuk disentuh bagi tujuan rekreasi dengan bacaan Total Coliform antara 72,000 hingga 29,000,000 cfu/100ml** berbanding 5,000 cfu/100ml yang ditetapkan.

c. Analisis Audit mendapati antara **punca kualiti air sungai masih belum dapat ditingkatkan** adalah seperti berikut:

i. **Perancangan Komponen Pembersihan Sungai**

- Pada tahun 2011, JPS telah melantik perunding untuk melaksanakan *Study on Water Quality Improvement and Hydrological Assessment for the Klang River* dengan kos berjumlah RM3.43 juta menggunakan peruntukan DE RoL. Antara objektif kajian ini ialah untuk mencadangkan langkah mitigasi, opsyen reka bentuk konsep serta anggaran kos bagi tujuan menambah baik dan memulihara sungai bagi mencapai kualiti air Kelas IIB. Selain itu, perunding juga dikehendaki melaksanakan penilaian terhadap 12 KI sedia ada dalam RoL.
- Laporan akhir yang dikeluarkan oleh perunding pada bulan Jun 2012 menyatakan berdasarkan analisis dan *modelling* yang telah dilaksanakan, perunding merumuskan bahawa **pelaksanaan dan penyiapan projek-projek di bawah 12 KI sedia ada tidak mampu meningkatkan bacaan kualiti air Sungai Klang di Mid Valley Kelas II**. Sehubungan itu, bagi memastikan kualiti air dapat ditingkatkan ke Kelas IIB, perunding telah mengemukakan langkah tambahan untuk dilaksanakan dengan **anggaran kos berjumlah RM1.050 bilion**. Selain itu, perunding juga mencadangkan langkah interim iaitu pembinaan sistem *interceptor* di sepanjang 10.7 km sungai dengan anggaran kos RM475 juta serta *non-structural measures* seperti pelaksanaan promosi dan penguatkuasaan.
- Langkah tambahan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Problem Solving bersama YAB Perdana Menteri Bil. 2/2012 pada 14 September 2012. Mesyuarat telah bersetuju dengan pertambahan peruntukan sejumlah RM430 juta bagi mencapai sasaran kualiti air Kelas IIB. Susulan keputusan ini, hanya langkah interim iaitu pembinaan sistem *interceptor* di sepanjang 10.7 km sungai telah dilaksanakan di bawah KI ke-13.
- Selanjutnya, berdasarkan Minit Mesyuarat CIC Bil. 6/2020 bertarikh 26 November 2020, antara tindakan susulan yang diperlukan untuk capai IKA 76.5 (Kelas II) adalah **pembinaan dua LRK berpusat baharu dengan kos berjumlah RM2.380 bilion**.

ii. Projek Pembetungan Belum Disiapkan

- Laporan Akhir *Study on Water Quality Improvement and Hydrological Assessment for the Klang River* bertarikh Jun 2012 menyatakan Sungai Klang dicemari oleh sisa kumbahan yang separa terawat atau tidak dirawat. Secara realistiknya, kualiti air Kelas IIB hanya akan dicapai dengan pelaksanaan *full nitrification* di semua LRK. Sehubungan itu, sebanyak dua *Quick Win Projects* dan enam *Non-Quick Win projects* telah dirancang dalam RoL. Projek ini akan dilaksanakan melalui dua *Key Initiative* (KI) iaitu KI 1 – Menaik taraf kemudahan pembetungan sedia ada dan KI 2 – *Expanding regional sewage treatment plants*. Berdasarkan laporan yang sama, pelaksanaan KI 1 dan 2 akan melibatkan naik taraf/pembaikan/rasionalisasi 296 LRK lama.
- Semakan Audit terhadap maklumat kontrak yang dikemukakan oleh JPP mendapati sehingga Julai 2023, hanya **50 LRK (16.9%) daripada 296 LRK** yang terlibat telah berjaya dirasionalisasi atau naik taraf. Peratus penyiapan yang rendah menyebabkan kualiti air sungai masih belum dapat ditingkatkan ke Kelas IIB.

iii. Tahap Operasi Aset Pembersihan Sungai Rendah

Semakan Audit terhadap status operasi aset pembersihan sungai mendapati setakat November 2023, sebanyak 147 (17.6%) daripada 835 aset pembersihan sungai tidak beroperasi yang mana 80 rosak manakala 67 telah dirobohkan/tidak boleh beroperasi⁶. Analisis lanjut Audit terhadap tahap operasi 13 *River Water Treatment Plant* (RWTP) pula mendapati **RWTP hanya beroperasi pada tahap 3.3% hingga 53.3%** bagi tempoh November 2019 hingga Julai 2023 seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 4**.

⁶ Penemuan teperinci adalah di perenggan 5.2.5.1.

CARTA 4
TAHAP OPERASI RWTP BAGI TEMPOH NOVEMBER 2019 HINGGA JULAI 2023



Sumber: Laporan Bulanan *Water Quality Monitoring*, JPS

Maklum balas JPS yang diterima pada 8 September 2023


RWTP tidak beroperasi (offline) kerana kerosakan peralatan seperti pam kelodak, sistem elektrik, *grit chamber* dan *rubber dam*, kerja pembersihan kelodak, kerja penyenggaraan biomedia serta kadar alir air masuk tidak mencukupi.

iv. Efluen Aset Pembersihan Sungai Tidak Patuh Kelas II

Bagi menentukan aset pembersihan sungai yang dibangunkan beroperasi mengikut reka bentuknya untuk merawat air sungai atau air sisa ke Kelas II, pihak Audit telah menganalisis laporan pensampelan efluen bagi RWTP, *Waste Water Treatment Plant* (WWTP) dan sistem *interceptor* (SWTP). Analisis Audit mendapati **tahap pematuhan adalah antara 54% hingga 97.8%** seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 5** hingga **Carta 7⁷**.


⁷ Tempoh dan kekerapan pensampelan efluen tidak seragam kerana data adalah berdasarkan Laporan Pensampelan yang dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana

CARTA 5
KEPUTUSAN EFLUEN 13 RWTP
(NOVEMBER 2019 HINGGA
FEBRUARI 2023)




Sumber: Laporan Bulanan *Water Quality Monitoring*, JPS

CARTA 6
KEPUTUSAN EFLUEN 4 WWTP
(FEBRUARI 2019 HINGGA
JANUARI 2023)



Sumber: Laporan Penyenggaraan WWTP, DBKL

CARTA 7
KEPUTUSAN EFLUEN 10 SWTP



Sumber: Laporan Penyenggaraan SWTP, JPS

v. Efluen LRK Tidak Patuh Peraturan

- Berdasarkan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) (Kumbahan) 2009, efluen yang dilepaskan oleh LRK dalam kawasan RoL perlu patuh kepada Standard B. Bagi memastikan kualiti air sungai RoL ditingkatkan ke Kelas IIB, LRK yang dinaiktaraf dalam projek RoL telah direka bentuk untuk mematuhi Standard A Kategori 1 (lebih tinggi dari yang ditetapkan PPKAS (Kumbahan) 2009).
- Analisis Audit terhadap data *LMS Database* yang diperoleh daripada IWK bagi 16 LRK yang dinaiktaraf atau dibina dalam Projek RoL telah dilaksanakan bagi menilai keupayaan LRK merawat sisa kumbahan. Bagi tempoh Julai 2014 hingga November 2022, **hanya dua LRK mematuhi Standard B 100%**. Baki 14 LRK menunjukkan tahap pematuhan antara **34.1% hingga 97.7%**.

Maklum balas JPP yang diterima pada 21 November 2023

LRK yang dinaiktaraf dalam projek RoL telah melalui fasa pengujian dan pentauliahan berdasarkan reka bentuk loji untuk mematuhi keperluan pematuhan efluen Standard A sebelum diserahkan kepada operator sistem pembetungan Indah Water

Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Selepas LRK siap dibina, ia diserahkan kepada IWK sebagai operator dan menjadi tanggungjawab IWK untuk memastikan efluen mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh JAS. Manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang bertanggungjawab sebagai badan kawal selia perkhidmatan pembetungan akan memantau kerja-kerja operasi dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh IWK.


Maklum balas IWK yang diterima pada 5 Januari 2024

Ketidakpatuhan sampel disebabkan faktor seperti gangguan operasi alat pengudaraan, enapcemar berlebihan, kerosakan peralatan *diffuser*, aliran kumbahan melebihi kapasiti dan lain-lain.

vi. *Public Outreach Programme* Tidak Mencapai Objektif

- Berdasarkan *National Transformation Programme Annual Report 2017*, lambakan sampah di dalam sungai akan menghalang usaha untuk proses pembersihan sepanjang 110 km lembangan Sungai Klang. Bagi memastikan sungai tidak dicemari dengan sampah, penglibatan orang awam untuk menjaga sungai adalah penting. Orang awam perlu diberikan kesedaran pentingnya penjagaan sungai melalui kaedah *Public Outreach Programme* (POP). Sebanyak **lima fasa POP** di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang telah dilaksanakan oleh JPS mulai tahun 2012 hingga 2020 dengan **kos berjumlah RM24.69 juta**. Berdasarkan laporan pelaksanaan POP yang disediakan oleh perunding, kumpulan sasar POP ialah masyarakat umum dan kanak-kanak khususnya; pengusaha makanan dan pasar; pusat cucian kenderaan dan bengkel; serta penduduk tempatan dan kumpulan komuniti yang tinggal berhampiran 300 meter dari tebing sungai.
- Bagi menilai keberkesanan POP, semakan Audit telah dilaksanakan terhadap rekod berat sampah yang dikutip dari sungai oleh JPS dan DBKL. Analisis Audit mendapat jumlah keseluruhan **kutipan sampah di sungai menunjukkan trend peningkatan** sebanyak 524.33 tan (234.6%) iaitu daripada 223.48 tan tahun 2018 kepada 747.81 tan pada tahun 2022; seperti dalam **Carta 8**. Peningkatan jumlah kutipan sampah ini menunjukkan POP yang dijalankan tidak memberi kesan positif kepada kumpulan sasar kerana orang awam masih membuang sampah ke dalam sungai.

CARTA 8
JUMLAH KUTIPAN SAMPAH DI SUNGAI DALAM KAWASAN RoL
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: JPS (2018 hingga 2022) dan DBKL (2021 dan 2022)

Nota: Tahun 2021 - Data mulai 15 Mac 2021

Tahun 2020 - Tiada Data Berat Sampah Kerana Tiada Kontraktor Kutipan Sampah Dilantik

Tahun 2019 - Data Januari Sehingga November 2019 Sahaja

Maklum balas JPS yang diterima pada 10 Mei 2024


Jumlah berat sampah yang dikutip dari sungai pada tahun 2023 adalah sebanyak 552,187 kg.

vii. Tahap Pematuhan Terhadap Akta/Peraturan Berkaitan Pelepasan Efluen oleh Premis/Industri Masih Belum Meningkat

- Program KI 10 dan 11 dilaksanakan untuk tujuan mempromosi, menguatkuasa dan menguruskan kebersihan sungai merujuk kepada restoran, bengkel, premis komersial dan industri yang menjana air sisa dan efluen. Objektif utama program adalah pelaksanaan penguatkuasaan yang ketat terhadap premis yang berdaftar di lembangan Sungai Klang, di samping mempromosikan kesedaran berkaitan dengan kualiti air dan pembuangan efluen serta menyediakan latihan untuk industri dan memulakan program pemantauan kualiti air sungai secara bersepadu di seluruh lembangan sungai.
- Analisis Audit telah dilaksanakan terhadap data pemeriksaan premis oleh JAS dan bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh DBKL, MPS dan MPAJ. Berdasarkan data pemeriksaan premis oleh JAS, tahap pematuhan premis/loji dalam kawasan RoL terhadap PPKAS (Efluen Industri) 2009 dan PPKAS (Kumbahan) 2009 bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 adalah antara 84.6% hingga 90.1%. Tahap pematuhan menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2020 dan 2021, bagaimanapun kembali menurun kepada 86.7% pada tahun 2022.


Selanjutnya, analisis Audit terhadap bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh DBKL, MPS dan MPAJ bagi kesalahan pembuangan efluen menunjukkan trend peningkatan daripada 946 kompaun pada tahun 2018 kepada 1,455 pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 9** dan **Carta 10**. Secara keseluruhan, pelaksanaan program KI 10 dan KI 11 belum dapat membantu dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan pembuangan efluen.

CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN PREMIS DALAM KAWASAN RoL TERHADAP PPKAS



Sumber: Data Pemeriksaan Premis JAS

CARTA 10
BILANGAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT DALAM KAWASAN RoL



Sumber: MPAJ, DBKL & MPS

Maklum balas DBKL yang diterima pada 7 Mei 2024

Bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,648.

Maklum balas MPAJ yang diterima pada 13 Mei 2024

Bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 74.

Maklum balas MPS yang diterima pada 13 Mei 2024

Bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 362.

viii. Tiada Pemantauan Terhadap Tahap E.Coli

Laporan *Study on Water Quality Improvement and Hydrological Assessment for the Klang River, June 2012* menyatakan antara langkah tambahan yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti air ke Kelas IIB di sistem sungai RoL ialah dengan melaksanakan pemantauan yang lebih kerap terhadap tahap E.Coli dari efluen LRK. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat CIC dan Minit Mesyuarat *River Cleaning Task Force (RCTF)* bagi tempoh tahun 2018 hingga Mei 2023 mendapati tahap E.Coli tidak pernah dipantau atau dilaporkan. Berdasarkan data EQMP JAS, tahap E.Coli di stesen 1K25 Mid Valley adalah sangat tinggi iaitu antara 4,800

hingga 3,000,000 cfu/100ml berbanding had Kelas IIB tidak melebihi 400 cfu/100ml.

- d. Secara keseluruhan, kelemahan dalam aspek perancangan, kelewatan penyiapan projek pembetungan, pelepasan efluen yang tidak mematuhi reka bentuk loji serta peningkatan jumlah sampah/sisa pepejal dalam sungai telah menjelaskan kualiti air sungai RoL. Selain itu, tahap operasi aset pembersihan sungai yang rendah juga menyebabkan proses rawatan air sungai tidak berlaku pada tahap yang sepatutnya dan akhirnya tidak berjaya meningkatkan kualiti air sungai RoL. Ketiadaan pemantauan tahap E.Coli juga menyebabkan tindakan pembetulan tidak dapat dilaksanakan lebih awal.

Maklum balas JWP yang diterima pada 3 Ogos 2023 dan 8 September 2023

Inisiatif baharu perlu dikenal pasti bagi mengurangkan paras E.Coli dan Total Coliform dalam sungai RoL yang akan melibatkan projek baharu, pertambahan kos dan tempoh masa pelaksanaan RoL. Buat masa ini, penyiapan komponen pembersihan dan pengindahan sungai menjadi fokus utama. Selepas penyiapan kedua-dua komponen ini seperti mana kajian dan reka bentuk yang dilaksanakan, kualiti air akan dapat ditingkatkan.

Pendapat Audit	Objektif ini sukar dicapai menjelang tahun 2024 berdasarkan trend data yang diperoleh. Kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek serta pemantauan dan penguatkuasaan juga menyebabkan kualiti air sungai RoL tidak dapat ditingkatkan ke Kelas IIB, seperti disasarkan.
-----------------------	---

5.1.2.2. Meningkatkan Aktiviti Ekonomi dan Kualiti Hidup Rakyat

- a. Analisis Audit telah dilaksanakan terhadap tahap penggunaan kemudahan yang dibangunkan dalam komponen pengindahan sungai. Semakan Audit mendapati sebanyak 54 kemudahan telah dibina melalui Projek RoL dengan kos sejumlah RM30.28 juta. Antara kemudahan yang dibangunkan adalah *guiding gallery* sebagai pusat maklumat dan pondok wakaf supaya pengunjung dapat berehat sambil menikmati pemandangan, kafe atau ruang perniagaan untuk meningkatkan potensi ekonomi di kawasan berhampiran tebing sungai dan *bike repair* untuk kemudahan penunggang basikal di laluan sepanjang 10.7 km tersebut.
- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat November 2023, sebanyak 37 (68.5%) kemudahan telah dimanfaatkan/disewakan manakala 17 (31.5%)


kemudahan tidak dimanfaatkan/disewakan seperti dalam **Jadual 3** dan **Gambar 13** hingga **Gambar 18**.

JADUAL 3
SENARAI KEMUDAHAN YANG TIDAK DIMANFAATKAN/DISEWAKAN

BIL.	PAKEJ	NAMA KEMUDAHAN	BIL. UNIT	KOS PEMBINAAN (RM Juta)	SEBAB TIDAK DIMANFAATKAN/DISEWAKAN
1.	1C1D	Kiosk Pocket Park	2	0.19	1 unit telah bertukar ke Kafe Tun Perak No. 2 dan 1 unit sedia ada tidak disewa.
		Gerai Penjaja	8	1.95	Surat tawaran telah dikeluarkan kepada penyewa tetapi dibatalkan kerana pemohon gagal menjawab surat tawaran dan membuat bayaran.
2.	3A3B	<i>Confluence Bridge</i> dan <i>Confluence Guiding Gallery</i>	2	4.34	Kedua-dua struktur/jambatan ini adalah sebahagian laluan pejalan kaki dan laluan basikal. Hebahan seawaan di portal DBKL telah dibuat tetapi tiada sebarang permohonan seawaan diterima.
3.	4A4B	<i>Old Train Guiding Gallery, Southern Gateway Guiding Gallery</i> dan <i>Community Guiding Gallery</i>	3	6.02	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> bagi empat kemudahan hanya diperoleh pada 5.10.2023 walaupun projek telah disiapkan pada 25.06.2021.
		<i>Bike Repair</i>	1	0.71	<ul style="list-style-type: none"> • CCC untuk <i>Community Guiding Gallery</i> masih belum diperoleh.
		<i>F&B Kiosk</i>	1		
JUMLAH		17	13.21		

Sumber: DBKL

GAMBAR 13



Confluence Guiding Gallery, 3A3B
- Keadaan Kemudahan yang Tidak Dimanfaatkan Sejak Disiapkan pada 23.03.2021
(25.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Southern Gateway Guiding Gallery, 4A4B
- Kemudahan yang Tidak Dimanfaatkan Sejak Disiapkan pada 25.06.2021 Telah Rosak
(20.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Community Guiding Gallery, 4A4B
 - Keadaan Kemudahan yang Tidak Dimanfaatkan
 Sejak Disiapkan pada 25.06.2021
 (20.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Old Train Station Guiding Gallery, 4A4B
 - Keadaan Kemudahan yang Tidak Dimanfaatkan
 Sejak Disiapkan pada 26.06.2021
 (25.04.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Bike Repair dan F&B Kiosk, 4A4B
 - Kemudahan Tidak Dimanfaatkan Sejak Disiapkan pada 25.06.2021
 (25.04.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



- c. Kemudahan yang tidak dimanfaat mengakibatkan keadaan terbiar dan menjadi rosak di samping risiko disalahgunakan oleh penagih dadah dan gelandangan seperti yang dilaporkan dalam akhbar The Star pada 2 Oktober 2023. Selain itu, manfaat peningkatan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat hasil daripada kemudahan yang dibangunkan dengan kos keseluruhan berjumlah RM30.28 juta masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023

DBKL telah mengiklankan hebahan sewaan kemudahan dalam laman webnya.

Pendapat Audit	Aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat dalam kawasan projek RoL masih boleh dipertingkatkan dengan memanfaatkan kesemua kemudahan yang telah dibangunkan.
---------------------------------	---

5.1.2.3. Membangunkan Tanah Kerajaan di Sekitar Lokasi Projek Pembersihan dan Pengindahan

a. Status Pembangunan Tanah

- i. Butir-butir keputusan MJM pada 19 Julai 2017 menyatakan Memorandum No. M478/2017 bertujuan memohon pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri dengan **cadangan pembangunan 59 lot tanah** di sepanjang 10.7 km Sungai Klang dan Sungai Gombak agar **dilaksanakan secepat mungkin**. Sehubungan itu, Jemaah Menteri telah bersetuju pada masa itu supaya pembangunan bagi 59 lot tanah dalam kawasan RoL dilaksanakan dengan 10 lot dijual secara terus; lapan lot dalam peringkat kelulusan pembangunan secara penswastaan; 34 lot sesuai untuk dibangunkan semula selepas tahun 2024; dan tujuh lot dibangunkan secara *retrofit*.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, tujuh lot (11.9%) daripada 59 lot telah dijual/dilupuskan dengan hasil berjumlah RM467.35 juta. Bagaimanapun, sehingga kini **hanya satu lot tanah telah dibangunkan** secara keseluruhan seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
LOT TANAH YANG TELAH DIJUAL/DILUPUSKAN

BIL.	NO LOT	PEMILIK ASAL	KAEDAH	LUAS (m ²)	NILAI JUALAN (RM Juta)	TARIKH JUAL BELI/ PINDAH MILIK	STATUS PEMBANGUNAN
1.	Lot 20000, Seksyen 48 (PT201)	DBKL	Dijual secara terus	2,240	169.40	15.06.2017/ 11.04.2018 & 12.04.2018	Belum dibangunkan
2.	PT 184, Seksyen 48	DBKL	Dijual secara terus	20,491			
3.	Lot 20019, Seksyen 48 (PT 188)	DBKL	Dijual secara terus	17,990			
4.	Lot 2007, Seksyen 47 (PT 24)	DBKL	Dijual secara terus	5,763	62.64	05.05.2015/ 30.12.2015	Telah dibangunkan Tun Razak Residence Kondominium
5.	Lot 41, Seksyen 51	PTP	Dilupuskan secara pemberimilikan	272,815	Nominal (RM1,000)	Tidak Berkenaan/ 14.12.2017	Hanya sebahagian lot telah dibangunkan
6.	Lot 497, Seksyen 85 (PT 88)	Rizab kawasan lapang	Dilupuskan secara pemberimilikan	2,925	16.39	Tidak Berkenaan/ 07.09.2018	Belum dibangunkan
7.	Lot 194, Seksyen 85A PT146	Rizab kawasan lapang	Dilupuskan secara pemberimilikan	9,438	52.82	Tidak Berkenaan/ 07.09.2018	Belum dibangunkan
JUMLAH				331,662	467.35		

Sumber: Perjanjian Jual Beli dan Carian Rasmi Hak Milik, LKAN Tahun 2019 Siri 1

iii. Semakan Audit terhadap fail dan dokumen berkaitan di DBKL mendapati lima lot masih belum dibangunkan kerana:

- perjanjian jual beli bagi tiga lot tanah milik DBKL yang dijual secara terus kepada syarikat 1140321-H hanya menetapkan obligasi kepada pembeli untuk menyediakan dan mengemukakan reka bentuk, lukisan, spesifikasi dan susun atur pembangunan tanah untuk kelulusan pihak berkuasa. Tiada syarat yang menetapkan tanggungjawab pembeli untuk melaksanakan pembangunan di atas tanah yang dibeli. Sehingga kini, tiada Kebenaran Merancang dikeluarkan untuk pembangunan di atas tiga lot ini; dan
- dua lot tanah rizab yang diberimilikan kepada syarikat 584757-T, masih belum dibangunkan. Pada 28 Disember 2021, pihak Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT) telah memohon pihak DBKL untuk menangguhkan semua pembangunan yang terlibat dalam cadangan jajaran MRT 3 sehingga jajaran tersebut dimuktamadkan.

iv. Ini mengakibatkan pembangunan di lima lot tanah dalam kawasan RoL belum dilaksanakan walaupun telah dijual dan diberimilikan kepada pihak swasta. Di samping itu, **manfaat ekonomi daripada pembangunan tanah yang telah dijual masih belum diperoleh.**

Maklum balas DBKL yang diterima pada 3 Ogos 2023 dan 8 September 2023

Tiga lot tanah milik DBKL dijual kepada syarikat 1140321-H

Memandangkan tanah tersebut telah menjadi milik persendirian, DBKL berpandangan tiada keperluan untuk menyediakan pelan tindakan untuk memastikan pembangunan di atas ketiga-tiga lot dilaksanakan. Namun, Datuk Bandar selaku pihak berkuasa perancangan masih mempunyai kuasa statutori yang mutlak dalam mengawal perancangan atau pembangunan di tapak melalui mekanisme keperluan pematuhan terhadap perundangan statutori yang meliputi pematuhan kepada Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267] dan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 termasuk apa-apa pindaannya.

Dua lot tanah rizab diberimilikan kepada syarikat 584757-T

Kelulusan terhadap cadangan pembangunan di atas tanah ini ditangguhkan sehingga mendapat pengesahan daripada pihak MRT berkenaan jajaran MRT 3 yang melalui kawasan tersebut, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada 28 September 2022.

Maklum balas JWP yang diterima pada 22 November 2023

JWP tiada autoriti untuk campur tangan dalam perancangan pembangunan di lot-lot tanah yang telah terjual. Bagaimanapun, DBKL adalah pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan memberi kebenaran merancang selepas mendapat permohonan daripada pemilik tanah.

b. Pelan/Kaedah Pembangunan

- i. Memorandum daripada Menteri Wilayah Persekutuan bertarikh 12 Julai 2017 menyatakan, KWP telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mencari **kaedah pembangunan yang terbaik bagi membangunkan 34 lot yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan semula selepas tahun 2024**. Memorandum yang sama juga menyatakan peranan utama ejen pembangunan ini adalah bagi merangka dan mewujudkan mekanisme yang dapat **mengumpul dana bagi memastikan penyenggaraan keseluruhan kawasan RoL dapat terus dilaksanakan tanpa bantuan Kerajaan**.
- ii. Pada 15 Disember 2020, KSU KWP telah bersetuju dengan Kertas Potensi Penjanaan Pendapatan Presint 7 RoL - Pelaksanaan Cadangan *Business Model* di P7 RoL. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap kertas cadangan berkenaan mendapati ia hanya merangkumi mekanisme penjanaan pendapatan hasil penyewaan dan penggunaan semua aset, kawasan lapang dan struktur di bawah Komponen Pengindahan Sungai. **Tiada pelan pembangunan atau *business model* berkaitan pembangunan tanah yang komprehensif disediakan.**
- iii. Ketiadaan pelan pembangunan/*business model* yang lengkap mengakibatkan hasrat Kerajaan untuk membangunkan tanah Kerajaan di sekitar kawasan RoL sukar dicapai. Selain itu, dana bagi tujuan penyenggaraan tidak dapat dikumpul dan menyebabkan Kerajaan terus menanggung kos penyenggaraan yang tinggi.

Maklum balas JWP yang diterima pada 22 September 2023 dan 22 November 2023

JWP belum mengambil tindakan terhadap pelan pembangunan/*business model* RoL kerana menumpukan kepada pelaksanaan komponen pengindahan dan pembersihan terlebih dahulu. JWP akan memberi fokus kepada pelan pembangunan tanah RoL

mulai tahun 2025. Ini disebabkan beberapa pakej di bawah komponen pengindahan dan pembersihan dijangka siap pada tahun 2030.

JWP juga tidak mengambil tindakan untuk mendapatkan cadangan pembangunan daripada Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) kerana KJP mempunyai autoriti ke atas tanah milik masing-masing. JWP juga tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam rancangan pembangunan KJP. Selain itu, cadangan pembangunan oleh KJP adalah tertakluk kepada kelulusan DBKL bagi memastikan cadangan pembangunan selari dengan perancangan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan dan kemampuan pembangunan tanah oleh KJP tertakluk kepada sumber peruntukan pembangunan yang diperuntukkan oleh UPE di bawah Rancangan Malaysia. JWP akan mengadakan perbincangan lanjut bersama DBKL untuk meneliti kebolehlaksanaan *business model* dengan mengambil kira faktor ekonomi semasa.

Pendapat Audit	Ketiadaan pelan pembangunan secara rasmi dan komprehensif menyebabkan hasrat asal Kerajaan untuk membangunkan tanah di sekitar lokasi projek RoL belum tercapai. Ketiadaan syarat di dalam perjanjian supaya syarikat mesti melaksanakan pembangunan di atas tanah yang diperoleh juga menyukarkan hasrat Kerajaan untuk pembangunan tanah dalam kawasan RoL dilaksanakan sebagaimana yang dihasratkan.
-----------------------	--

5.1.2.4. Pulangan kepada Kerajaan Dijangkakan Berjumlah RM4 bilion

- a. Keputusan MJM bertarikh 6 Julai 2011 menyatakan tanah Kerajaan yang berpotensi di sepanjang lokasi pengindahan sungai akan dikenal pasti dan ditender secara terbuka kepada pemaju swasta di mana melalui pendekatan ini, Kerajaan dijangka menerima pendapatan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion. Pendapatan yang dijana melalui penjualan tanah Kerajaan ini kelak akan digunakan bagi membiayai sebahagian besar kos pelaksanaan RoL dan mengelakkan penggunaan dana awam.
- b. Semakan Audit mendapati 59 lot tanah telah dikenal pasti dan diluluskan oleh MJM pada 19 Julai 2017 sebagai berpotensi untuk dibangunkan. Sehingga kini, **hanya tujuh lot tanah telah dijual/dilupuskan dengan hasil jualan berjumlah RM467.35 juta** (empat lot dijual secara rundingan terus dan tiga lot dilupuskan secara pemberimilikan dengan bayaran premium/nilai nominal).
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya sejumlah **RM69.21 juta (14.8%)** daripada hasil penjualan tiga lot tanah (milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan tanah rizab) telah dimasukkan ke Kumpulan Wang

Disatukan manakala hasil jualan bagi empat lot tanah milik DBKL berjumlah RM398.14 juta telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang DBKL. Pihak Audit juga mendapati tiada perancangan disediakan oleh JWP untuk memastikan hasil jualan tanah akan digunakan bagi membiayai kos pelaksanaan RoL.

- d. Semakan Audit terhadap laporan penilaian oleh JPPH MoF pada 3 April 2023 pula mendapati, Nilaian Kegunaan Tertinggi dan Terbaik bagi baki 52 lot tanah yang berpotensi dibangunkan adalah berjumlah RM5.558 bilion. Sehubungan itu, anggaran pendapatan yang akan diperoleh Kerajaan jika kesemua 59 lot tanah berjaya dijual adalah berjumlah RM6.025 bilion.

Maklum balas JWP yang diterima pada 3 Ogos 2023

Tiada mekanisme khusus yang dapat diambil untuk memastikan hasil jualan tanah digunakan untuk membiayai projek RoL memandangkan setiap penjualan tanah memerlukan keputusan dasar di peringkat Kabinet atau Pemilik/KJP masing-masing dan setiap penjualan adalah mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa. Hasil jualan tanah DBKL telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang DBKL memandangkan tanah tersebut merupakan tanah milik Datuk Bandar. Bagi PTP, tatacara pelupusan yang telah ditetapkan perlu dipatuhi oleh KJP dan hasil jualan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.


Pendapat Audit | **Walaupun pulangan hasil jualan tanah dijangka melebihi RM4 bilion, masih tiada kaedah/mekanisme dikenal pasti untuk memastikan pendapatan yang dijana ini kelak digunakan untuk membiayai sebahagian besar kos pelaksanaan RoL dan mengelakkan penggunaan dana awam.**

5.2. Pengurusan Projek

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan

Semakan Audit terhadap maklumat Sistem MyProjek mendapati sejumlah RM4.363 bilion siling peruntukan pembangunan (DE) telah diperuntukkan bagi projek RoL. Semakan Audit selanjutnya terhadap maklumat SPP II (2011 hingga 2017) dan Laporan Baki Peruntukan yang Diagihkan (Perbandingan dengan Jumlah Tanggungan dan Belanja) (Ringkasan) mendapati sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM4.152 bilion telah disalurkan untuk Projek RoL. Mengikut rekod, sejumlah RM3.843 bilion iaitu 92.6% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan. Manakala peratus perbelanjaan berbanding siling peruntukan ialah 88.1% dengan baki siling projek setakat 31 Disember 2022 berjumlah RM520.01 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Carta 11**.

CARTA 11
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RoL SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: Maklumat Sistem MyProjek, Maklumat SPP II (2011 hingga 2017) dan Laporan Laporan Baki Peruntukan yang Diaghikan (Perbandingan dengan Jumlah Tanggungan dan Belanja) (Ringkasan) bagi Tahun 2018-2022


Maklum balas JWP yang diterima pada 3 Mei 2024

Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2023 adalah RM71.87 juta yang menjadikan jumlah terkumpul perbelanjaan RoL sehingga 31 Disember 2023 adalah RM3.915 bilion.

5.2.1.1. Baki Peruntukan di Agensi Pelaksana

- Semakan Audit terhadap rekod perakaunan dan perbelanjaan di DBKL, MPAJ dan MPS mendapati sehingga 31 Disember 2022, **sejumlah RM310.92 juta peruntukan DE RoL yang disalurkan oleh JWP masih belum dibelanjakan.** Semakan Audit juga mendapati jumlah ini merupakan baki terkumpul sejak tahun 2011 kerana peruntukan yang tidak dibelanjakan pada tahun semasa tidak dikembalikan kepada JWP. Butiran terperinci jumlah baki mengikut agensi adalah seperti dalam **Carta 12.**

CARTA 12
TERIMAAN DAN PERBELANJAAN OLEH AGENSI SETAKAT 31 DISEMBER 2022



Sumber: DBKL, MPS dan MPAJ

Nota: (*) - Peratus Baki Peruntukan yang Masih Belum Dibelanjakan

- b. Selanjutnya, semakan Audit terhadap dokumen dan rekod di JWP mendapati baki peruntukan DE yang tidak dibelanjakan oleh DBKL, MPS dan MPAJ tidak dipulangkan dan tidak dipantau melalui Mesyuarat CIC atau mekanisme pemantauan yang lain. Ini mengakibatkan jumlah keseluruhan perbelanjaan RoL yang direkodkan oleh JWP tidak tepat. Berdasarkan rekod di peringkat JWP, sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM3.843 bilion telah dibelanjakan sedangkan perbelanjaan sebenar ialah RM3.532 bilion manakala baki siling projek sepatutnya ialah RM830.93 juta.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 3 Ogos 2023

DBKL masih dalam proses menyelesaikan bayaran akhir kepada kontraktor dan perunding bagi projek RoL. Semua Perakuan Muktamad dijangka dapat diselesaikan pada September 2024.

Maklum balas MPS yang diterima pada 3 Ogos 2023 dan 8 September 2023

MPS akan menggunakan baki peruntukan DE RoL untuk menggantikan sistem perangkap minyak komunal/berpusat kepada sistem perangkap minyak individu di Pasar Bandar Country Homes dan Medan Selera Tun Teja. Pada 14 Ogos 2023, JWP telah memaklumkan bahawa tiada halangan menggunakan peruntukan pembangunan RoL bagi melaksanakan kerja naik taraf tersebut yang merupakan skop pembersihan sungai tertakluk kepada baki sedia ada yang mencukupi dan penggunaan adalah bagi tujuan projek RoL tanpa menjelaskan program lain yang telah dirancang serta segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa pada masa kini dipatuhi.

Maklum balas MPAJ yang diterima pada 16 Oktober 2023 dan 9 November 2023

Baki peruntukan berjumlah RM2.94 juta akan dihasilkan ke akaun MPAJ bagi menampung peruntukan yang telah didahulukan sebelum ini. Manakala baki RM0.74 juta adalah untuk bayaran kerja tambahan KPK No.4 dan akaun muktamad keseluruhan projek termasuk bayaran perunding yang dianggarkan berjumlah RM8.00 juta. Bagaimanapun, maklumat akaun muktamad masih dalam pengesahan pihak perunding untuk dimuktamadkan.

Maklum balas JWP yang diterima pada 3 Ogos 2023, 8 September 2023 dan 22 November 2023

Baki peruntukan DE di DBKL adalah bagi membiayai projek pencahayaan impak, *Closed-Circuit Television* RoL dan sambungan projek pengindahan Pakej 1E, 1F dan 1G. JWP tiada halangan dengan cadangan MPS untuk mengangkat cadangan penggunaan baki DE RoL di MPS.

JWP akan membuat penambahbaikan dengan melaksanakan Mesyuarat Penyelarasan Peruntukan bersama agensi secara berkala (tiga kali setahun) pada Januari, Mei dan Oktober.

5.2.1.2. Siling Peruntukan dan Komitmen Kewangan

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 54 menetapkan seseorang Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan sesuatu program dan aktiviti atau objek perbelanjaan yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan.
- b. Berdasarkan Sistem MyProjek, projek RoL telah diluluskan siling peruntukan pembangunan (DE) berjumlah RM4.363 bilion. Semakan Audit terhadap rekod kewangan yang dikemukakan oleh JWP mendapati sehingga 31 Ogos 2023, sejumlah RM3.939 bilion peruntukan RoL telah dibelanjakan dan termasuk waran yang dikeluarkan kepada agensi pelaksana. Sehubungan itu, baki siling DE RoL yang masih ada adalah berjumlah RM424.08 juta.
- c. Analisis Audit telah dilaksanakan terhadap anggaran baki komitmen kontrak yang disediakan oleh JWP untuk menentukan sama ada siling RoL adalah mencukupi untuk membiayai kesemua tanggungan kontrak yang belum selesai. Pihak Audit mendapati, jumlah komitmen Kerajaan bagi 19 kontrak dalam pelaksanaan adalah berjumlah RM543.41 juta (tidak termasuk komitmen DBKL dan MPAJ yang akan dibayar menggunakan peruntukan sedia ada di agensi). Berdasarkan anggaran oleh JWP, **siling RoL tidak mencukupi sejumlah RM119.33 juta** untuk menanggung bayaran kontrak yang masih belum selesai.

Maklum balas JWP yang diterima pada 9 Mei 2024

Mengambil kira Projek LRK Serantau Batu telah ditamatkan kontrak (kerana percanggahan pendapat antara kontraktor dan perunding) maka peruntukan projek tersebut berjumlah RM200 juta telah diagihkan kepada projek dalam peringkat pelaksanaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan tahunan. Selepas pelarasan ini, sejumlah RM344 juta diperlukan untuk membayar komitmen kontrak yang telah ditandatangani. Lebihan kos projek *Sewerage Non River* (SNR) akan digunakan untuk menampung projek RoL dalam peringkat pra pelaksanaan seperti penyiapan projek LRK Serantau Batu.

Pendapat Audit | Pengurusan belanjawan dan pemantauan perbelanjaan RoL adalah tidak menyeluruh sehingga menyebabkan siling DE tidak mencukupi untuk menyiapkan semua projek RoL serta perlu menggunakan peruntukan daripada projek SNR untuk menampung kos projek RoL yang ditamatkan kontrak dan dalam peringkat pra pelaksanaan.

5.2.2. Perancangan

5.2.2.1. Kelulusan Projek/Perbelanjaan

- a. Semakan Audit terhadap Maklumat Ringkas Senarai Pakej RoL dan maklum balas daripada agensi pelaksana mendapati sehingga Disember 2022 sebanyak 247 item perbelanjaan telah dirancang dan dilaksanakan di bawah projek RoL. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada kelulusan daripada UPE bagi setiap item/projek ini. Perkara ini berlaku kerana pada tahun 2011, projek RoL telah diluluskan sebagai *one-line item projects* dengan nama projek *NKEA Greater KL/KV: (EPP5) River of Life* di bawah JPM. Seterusnya, pada tahun 2012 projek ini dipindahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (kini JWP).
- b. Berdasarkan maklum balas JWP, sebelum Cadangan Permohonan Projek mengikut *Rolling Plan* dibincangkan bersama UPE, projek tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat CIC untuk pemakluman kepada ahli mesyuarat. Semakan Audit selanjutnya mendapati 86 (34.8%) item/projek telah diluluskan melalui pelbagai kaedah seperti Mesyuarat CIC, *Greater KL/KV Steering Committee, Joint Development Committee*, RCTF dan kelulusan oleh (Ketua Setiausaha) KSU KWP. Selain itu, 103 (41.7%) item/projek tersenarai dalam *ROL 2011 Progress Report* atau Pelan Induk RoL. Bagaimanapun, dokumen kelulusan bagi 50 item tidak dikemukakan untuk semakan Audit kerana projek diluluskan semasa di bawah seliaan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM manakala lapan item tiada maklumat kelulusan.
- c. Pihak Audit juga mendapati perkara ini berlaku kerana DMO tidak dikehendaki meneruskan fungsi PDP iaitu mengumpul dan menyimpan maklumat berkaitan projek bagi tujuan *Depository of Information*. Kelemahan ini telah mengakibatkan **status kelulusan bagi 58 item tidak dapat disahkan serta kos dan jumlah perbelanjaan sebenar bagi setiap projek/item perbelanjaan tidak dapat ditentukan dan disahkan.**

Maklum balas JWP yang diterima pada 9 Oktober 2023

Permohonan peruntukan tahunan kepada UPE dibuat dengan menyenaraikan projek-projek sedia ada dan baharu yang memerlukan peruntukan bagi tahun berikutnya berdasarkan siling yang telah ditetapkan.

Pendapat Audit | **Kelulusan pelbagai projek sebagai one-line item projects telah menyukarkan pemantauan pelaksanaan projek dan memastikan perbelanjaan yang lebih telus.**

5.2.2.2. Makmal Pengurusan Nilai

- a. Pekeling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 menetapkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas perlu melalui proses Makmal *Value Management* (VM). Pelaksanaan Makmal VM bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan.
- b. Pada 13 hingga 16 April 2015, Makmal VM telah diadakan untuk membincangkan pembangunan Projek Pengindahan Sungai Pakej 2 - Tasik Titiwangsa yang merangkumi 31 skop komponen dengan anggaran kos awal berjumlah RM258 juta. Hasil daripada bengkel tersebut, skop projek telah dioptimumkan dengan anggaran kos baharu berjumlah RM71.56 juta merangkumi 38 skop komponen iaitu pertambahan tujuh skop komponen serta pengurangan kos sejumlah RM186.44 juta.
- c. Semakan Audit mendapati keputusan Makmal VM tidak dipatuhi yang mana Kontrak Pakej 2 Tasik Titiwangsa telah ditandatangani dengan kos berjumlah RM99.89 juta iaitu **RM28.33 juta atau 39.6% lebih tinggi daripada kos yang diluluskan Makmal VM.** Semakan Audit selanjutnya mendapati skop kerja dalam kontrak juga hanya terdiri daripada 30 komponen berbanding 38 yang dipersetujui dalam Makmal VM.
- d. Pihak DBKL menjelaskan perkara ini berlaku kerana perunding yang dilantik telah menyediakan dokumen tender dengan anggaran harga jabatan berjumlah RM154.21 juta. Akibatnya, tawaran tender terbaik yang diterima adalah dengan kos RM136.49 juta iaitu 90.7% lebih tinggi daripada kos yang diluluskan Makmal VM. Lanjutan daripada ini, tender telah dibatalkan dan perolehan projek telah dilaksanakan secara rundingan terus dengan kos RM99.89 juta. Butiran kronologi penetapan kos kontrak adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
KRONOLOGI PENETAPAN KOS KONTRAK PAKEJ 2 - TASIK TITIWANGSA

TARIKH	PERKARA
16.03.2017	LPA KWP telah memutuskan petender dengan tawaran bernilai RM136.49 juta merupakan (<i>Best Evaluated Tender</i>) berdasarkan kaedah <i>Swiss Challenge</i> iaitu RM64.93 juta (90.7%) lebih tinggi dari kos Makmal VM.
04.04.2017	KWP maklum DBKL mengenai keputusan LPA KWP dan meminta DBKL menyediakan peruntukan tambahan bagi menampung lebihan kos yang dianggarkan RM73.13 juta [termasuk <i>Government Service Tax (GST)</i>].
07.06.2017	DBKL telah mengadakan beberapa Mini VM dan anggaran kos baharu yang dicadangkan ialah RM106 juta (termasuk GST).
24.10.2017	MoF telah meluluskan permohonan KWP untuk melaksanakan Projek RoL Paket 2: Tasik Titiwangsa secara rundingan terus dengan syarikat 983927-T dengan anggaran kos RM100 juta dan tender yang dilaksanakan mengikut kaedah <i>Swiss Challenge</i> dibatalkan.
09.03.2018	SST kepada syarikat 983927-T bagi kontrak RoL Paket 2: Taman Titiwangsa (Reka dan Bina). Nilai kontrak berjumlah RM99.89 juta (tidak termasuk GST).

Sumber: Surat Menyurat DBKL

- e. Kelemahan ini bukan sahaja menyebabkan peningkatan kos projek, malah telah mengakibatkan Makmal VM yang dilaksanakan pada 13 hingga 16 April 2015 tidak mencapai objektifnya. Selain itu, pelaksanaan projek turut tertangguh selama 11 bulan berbanding jadual perancangan asal kerana memerlukan semakan semula skop reka bentuk (design review) agar skop projek dioptimumkan selaras dengan keputusan Makmal VM. Perubahan kaedah pelaksanaan projek dari konvensional kepada reka dan bina juga telah menyebabkan reka bentuk yang disediakan oleh perunding tidak digunakan.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 8 September 2023

Perubahan harga projek telah berlaku apabila perunding selaku pasukan pengurus projek tidak mematuhi harga siling, dan seterusnya tidak memaklumkan kenaikan harga projek kepada pihak wakil DBKL sewaktu dokumen diserahkan untuk proses tender di Bahagian Pengurusan Perolehan (BPP). Dua surat teguran telah diberikan kepada perunding berkaitan perkara ini. Projek Titiwangsa ini telah memberi impak yang sangat besar kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Ia menjadi sangat popular, dan turut memenangi beberapa pertandingan antarabangsa dan dalam negara. Hentian MRT juga turut dibina berdekatan untuk memudahkan pengangkutan bagi pengunjung taman.

Pendapat | Kelemahan penyelarasan kos dan skop projek mengikut Audit | keputusan Makmal VM telah menyebabkan objektif pelaksanaan Makmal VM tidak tercapai.

5.2.3. Pentadbiran Kontrak (Perjanjian Tambahan Kerja Pengindahan Presint 7)

- a. Pada 4 September 2014, *Problem Solving Meeting* bersama YAB Perdana Menteri memutuskan kerja *interceptor* dijadikan arahan perubahan kepada skop kerja kontraktor. Kemudian, pada 17 Mac 2015, **DBKL telah meluluskan Lanjutan Masa No. 1** selama 204 hari bagi kerja-kerja tersebut **tanpa Arahan Perubahan Kerja (APK) daripada Pegawai Penguasa**. Ini tidak selaras dengan Klausus 43.0 (e) dalam kontrak yang menyatakan Lanjutan Masa hanya boleh diluluskan selepas Pegawai Penguasa mengeluarkan APK.
- b. Pihak Audit juga mendapati kelulusan lanjutan masa ini tidak selaras dengan Klausus B Perjanjian Tambahan yang menyatakan kerja *interceptor* tidak boleh dianggap sebagai perubahan kerja kepada Kontrak Utama. Selain itu, pihak MoF juga pada 17 November 2014 dan 15 Mei 2015 telah memaklumkan bahawa kerja *interceptor* bukanlah APK tetapi merupakan tambahan skop kerja yang perlu dilaksanakan melalui Perjanjian Tambahan. Keputusan MoF adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 202.1(b)(ii) yang menetapkan setiap perubahan daripada kontrak kerja hendaklah memenuhi kriteria seperti perubahan tidak menukar sebahagian besar skop kerja. Butiran kronologi perkara ini adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KRONOLOGI PERTAMBAHAN SKOP KERJA *INTERCEPTOR*

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	12.09.2014	Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT No. 1.
2.	09.10.2014	Surat PEMANDU kepada Datuk Bandar KL memaklumkan keputusan YAB PM semasa <i>Problem Solving Meeting</i> pada 4 September 2014 untuk menganugerahkan kontrak pembinaan <i>interceptor</i> kepada PDP melalui <i>Variation Order</i> kepada kontrak pengindahan sungai sedia ada.
3.	03.11.2014	Surat KWP kepada MoF mengenai Cadangan Arahan Perubahan Kerja (VO) Projek Pengindahan Sungai Presint 7.
4.	17.11.2014	MoF mengambil maklum akan cadangan KWP untuk melantik Syarikat 983927-T bagi melaksanakan Projek Pembinaan <i>Interceptor</i> Paket 1 Presint 7 yang merupakan satu paket dalam komponen Pembersihan Sungai secara tambahan skop kerja kepada kontrak Pengindahan Sungai melalui Perjanjian Tambahan .
5.	17.03.2015	DBKL lulus EOT No. 1 selama 204 hari untuk menjalankan kerja pembinaan <i>interceptor</i> , berdasarkan keputusan <i>Problem Solving Meeting</i> bersama YAB PM sebagai APK kepada skop kerja kontraktor.
6.	13.04.2015	KWP kemukakan Permohonan Kelulusan APK bagi Projek-Projek DBKL kepada MoF.
7.	15.05.2015	MoF sekali lagi maklumkan KWP bahawa pelaksanaan kerja <i>interceptor</i> adalah secara tambahan skop melalui Perjanjian Tambahan dan bukannya sebagai kerja tambahan (VO).
8.	13.11.2015	Mesyuarat Lembaga Perolehan A KWP telah bersetuju dengan kos rundingan harga <i>interceptor</i> .
9.	19.04.2016	Perjanjian Tambahan ditandatangani antara DBKL dengan Syarikat 983927-T yang mana Klausus B menyatakan kerja <i>interceptor</i> tidak boleh dianggap sebagai VO kepada kontrak utama.

Sumber: DBKL

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023

Penyediaan SA dibantu, diberi input dan nasihat daripada Penasihat Undang-undang (PUU) DBKL dan PUU KWP. Tiada isu atau keraguan yang ditimbulkan oleh mana-mana pihak ketika itu. SA ialah satu kaedah untuk mengikat pelaksanaan kerja-kerja tambahan ini (Interceptor System) kepada kontrak utama sedia ada di mana syarat-syarat untuk kerja terlibat dinyatakan dengan lebih jelas selain masih terikat kepada klausula-klausula kontrak utama.

Pendapat | Kelulusan EOT No. 1 adalah tidak teratur berdasarkan syarat Audit | kontrak dan tidak selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

5.2.4. Pelaksanaan Projek

5.2.4.1. Penyediaan Reka Bentuk

a. Reka Bentuk Tidak Digunakan

- i. Pada 8 Disember 2012 dan 25 April 2013, DBKL telah melantik perunding untuk menyediakan *construction working drawing* bagi tujuan pembinaan dan pelaksanaan kerja pengindahan di sepanjang 10.7 km sungai RoL. Sehingga 4 Julai 2019, DBKL telah membayar RM19.10 juta untuk kos di peringkat reka bentuk yang telah dilaksanakan oleh perunding bagi Pakej 1E, 1F, 1G dan Titiwangsa.
- ii. Selain itu, pada 25 April 2013, JPS telah melantik perunding untuk menyediakan reka bentuk sistem *interceptor* di sepanjang 10.7 km Sungai RoL dengan kos berjumlah RM7.48 juta. Sehingga 27 April 2022, JPS telah membayar RM6.47 juta kepada perunding untuk perkhidmatan penyediaan reka bentuk yang telah dilaksanakan.
- iii. Semakan Audit mendapati lima reka bentuk yang disediakan oleh perunding tidak digunakan iaitu reka bentuk bagi Pakej 1E, 1F, 1G, Titiwangsa dan kerja *interceptor* di Presint 7. Perkara ini berlaku kerana Pakej 1E, 1F dan 1G telah dikeluarkan daripada Projek RoL manakala Pakej Titiwangsa dan kerja *interceptor* di Presint 7 telah dilaksanakan secara reka dan bina. Perubahan keputusan pelaksanaan projek telah menyebabkan Kerajaan membayar sekurang-kurangnya RM19.10 juta untuk penyediaan reka bentuk dan perkara berkaitan tetapi tidak digunakan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
MAKLUMAT REKA BENTUK YANG TIDAK DIGUNAKAN

NAMA PROJEK/PERKARA	PAKEJ 1E	PAKEJ 1F	PAKEJ 1G	PAKEJ TITIWANGSA	INTERCEPTOR PRESINT 7
Agenси Pelaksana	DBKL				JPS
Komponen	Pengindahan Sungai				Pembersihan Sungai
Tarikh Mula Perkhidmatan Perunding	01.06.2013	01.06.2013	01.06.2013	01.06.2013	25.04.2013
Tarikh Keputusan (Perubahan Kaedah Pelaksanaan Projek)	19.10.2015	14.05.2015	24.06.2015	19.02.2018	17.04.2014
Sebab Perubahan	Dikeluarkan dari RoL untuk dilaksanakan dalam Projek KL River City				Laksana secara reka dan bina
Kos Peringkat Reka Bentuk (RM Juta)	4.64	3.98	4.64	6.96	7.48*
Kos yang Telah Dibayar (RM Juta)	4.18	3.78	4.18	6.96	6.47*

Sumber: Perjanjian Perunding, Sijil Kemajuan Bayaran No. 41, Surat Menyurat DBKL dan JPS

Nota: (*) - Kos Keseluruhan Reka Bentuk Termasuk Interceptor Presint 7

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023

DBKL telah bersetuju secara dasar terhadap arahan pelaksanaan semula Projek Pengindahan RoL bagi Pakej 1E, 1F dan 1G mengikut kaedah perolehan tender terbuka (Reka dan Bina) dengan merujuk serta menggunakan pakai *schematic design* sedia ada yang telah disediakan oleh perunding dengan kos sebanyak RM12.13 juta sebagai panduan dalam pelaksanaan semula pakej tersebut. Namun, penggunaan *schematic design* sedia ada bergantung kepada hasil Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) yang akan dilaksanakan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 8 September 2023

Dokumen yang menunjukkan reka bentuk alternatif adalah menjimatkan, kompetitif dan kefungsian lebih baik daripada reka bentuk yang disediakan perunding yang dilantik oleh JPS dan anggaran kos pembinaan *interceptor* menggunakan reka bentuk yang disediakan oleh perunding asal tidak dapat dikesan.

b. Kelemahan Reka Bentuk Pam - Projek Rasionalisasi 17 LRK (Pakej 2)

- i. JPP telah melantik jurutera perunding untuk Projek Rasionalisasi 17 LRK (Pakej 2) dengan kos berjumlah RM2.83 juta. *Terms of Reference* dalam Perjanjian Perunding menyatakan reka bentuk yang disediakan oleh jurutera perunding mestilah mematuhi *Malaysian Sewerage Industry Guidelines (MSIG) SPAN Guidelines & HAZOP studies* seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- ii. Semakan Audit mendapati pada 14 September 2017, JPP telah bersetuju dengan cadangan jurutera perunding untuk penukaran saiz *impeller* pam daripada 322 mm kepada 350 mm diameter. Dalam surat yang sama, JPP telah menyatakan memandangkan perubahan reka bentuk ini disebabkan oleh kesilapan reka bentuk asal oleh jurutera perunding, implikasi pertambahan kos dan masa projek adalah di bawah tanggungjawab jurutera perunding sepenuhnya.
- iii. Bagaimanapun, ujian *testing and commissioning* (T&C) yang dilaksanakan pada 24 Julai 2019 menunjukkan *raw sewage pump* telah gagal mencapai *peak flow* yang ditetapkan dalam MSIG. Susulan perkara ini, APK No. 8 telah dikeluarkan pada 15 Mac 2022 kepada kontraktor bagi kerja membuka dan menukar enam unit pam (termasuk impeller) yang telah dipasang kepada tiga unit pam baharu dengan **kos sejumlah RM2.16 juta yang ditanggung oleh Kerajaan**. Penukaran pam ini juga **telah mengakibatkan enam unit pam asal dengan kos RM1.29 juta tidak digunakan**. Keadaan tiga unit *raw sewage pump* yang baharu adalah seperti dalam **Gambar 19** dan *fittings pipe* bagi enam unit *raw sewage pump* yang tidak digunakan adalah seperti dalam **Gambar 20**.

GAMBAR 19



Stesen Pam KLR 146
- Tiga Unit *Raw Sewage Pump* yang
Baru dengan Reka Bentuk Semula
(21.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Stesen Pam KLR 146
- *Fittings Pipe* Bagi Enam Unit *Raw Sewage Pump*
Lama yang Tidak Boleh Digunakan
(21.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Selain peningkatan kos, kelemahan ini telah menyebabkan projek diluluskan **EOT selama 1,803 hari** (61.4% daripada keseluruhan EOT). Selain itu, semakan Audit mendapati tuntutan ganti rugi implikasi pertambahan kos dan masa projek daripada jurutera perunding masih belum diambil tindakan oleh JPP.

Maklum balas JPP yang diterima pada 12 Disember 2023

Pada 1 Disember 2023, PUU NRECC telah mengadakan satu perbincangan dengan JPP untuk lebih memahami perkara berkaitan, bagi menentukan jumlah amaun ganti rugi/saman yang boleh dan berhak dituntut ke atas jurutera perunding. Pada masa kini, PUU NRECC dalam proses untuk mengeluarkan Notis Tuntutan Ganti Rugi/saman kepada jurutera perunding. *Timeline* akan disediakan selepas JPP mendapat maklum balas daripada PUU NRECC.

Pendapat Audit | Kelemahan perunding semasa peringkat reka bentuk mengakibatkan kelewatan kepada penyiapan projek. Selain itu, kelewatan JPP mengambil tindakan menuntut ganti rugi daripada jurutera perunding menunjukkan kelemahan tatakelola projek.

c. Reka Bentuk Kawasan Pejalan Kaki

- i. Berdasarkan Laporan Akhir *Schematic Design* Presint 7 yang disediakan oleh perunding, **reka bentuk aras lantai pejalan kaki (cantilevered boardwalk) di kawasan Masjid Jamek dan Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) adalah di bawah aras 100 tahun Average Recurrence Interval (ARI).** Berdasarkan laporan berkenaan, reka bentuk lantai pejalan kaki di kawasan Masjid Jamek yang disediakan oleh perunding ialah +30.00 m berbanding *100 years flood level* +30.20 m. Bagi kawasan BSAS pula, lantai pejalan kaki direka bentuk 700 mm lebih rendah yang mana lantai pejalan kaki ialah 29.50 m berbanding *100 years flood level* setinggi +30.20 m.
- ii. Reka bentuk kawasan pejalan kaki yang lebih rendah daripada unjuran 100 tahun ARI menyebabkan berlaku limpahan air Sungai Gombak dan Sungai Klang berhampiran Masjid Jamek dan BSAS pada tahun 2020 seperti dalam **Gambar 21**.



GAMBAR 21

Berhampiran Masjid Jamek
- Limpahan Air Sungai Gombak dan Sungai Klang
Berhampiran Masjid Jamek
(Sumber: Berita Harian Metro, disiarkan pada September 10, 2020 @ 6:38pm)

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023

Berdasarkan kepada isu *Climate Change* yang dialami sekarang dan data kajian ARI yang telah lama dijalankan iaitu pada 2012, DBKL berpendapat:

- a. Satu kajian ARI terkini perlu dilaksanakan. Sebarang penambahbaikan kepada projek perlu merujuk kepada kajian ARI baharu tersebut;
- b. Cadangan untuk mendalamkan sungai perlu dibincangkan bersama pihak JPS oleh kerana ianya bukan di bawah bidang kuasa DBKL; dan
- c. Kerja mengutip sampah terapung (floating rubbish) yang mungkin menyumbang kepada kenaikan paras air sungai yang mendadak akan terus dilaksanakan secara berterusan.

5.2.4.2. Pelantikan Perunding bagi Projek Pembinaan *Collapsible Weir*

- a. Sub perenggan 3.3 PK 3.1 menetapkan agensi hendaklah memastikan bahawa perunding yang dilantik hanya dibenarkan untuk memberi perkhidmatan berdasarkan kod bidang yang telah didaftarkan sahaja. Selain itu, sub perenggan 2.3.1. PK 3.10 pula menetapkan agensi hendaklah memastikan semua reka bentuk pengiraan, lukisan dan dokumen berkaitan ditandatangani oleh Pemilik Firma Perunding sahaja memandangkan ianya adalah terletak di bawah tanggungjawab pemilik firma yang memiliki kelulusan profesional yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati JPS telah melantik Perunding 487791-U bagi melaksanakan *Detailed Design of Rubber Dams for Beautification Works Under River of Life and Associated Works*. Bagaimanapun, Perunding 487791-U **hanya berdaftar dalam kod bidang pendaftaran kejuruteraan awam/struktur** sedangkan skop kontrak Projek Pembinaan *Collapsible Weir* (CW) D4 dan D5 melibatkan antara **45% hingga 65% komponen mekanikal dan elektrikal**.
- c. Selain itu, semakan Audit juga mendapati dokumen Kontrak CW D4 dan D5 menggunakan format JKR 203A (Rev 1/2010) yang mengandungi senarai kuantiti dan spesifikasi manakala lukisan kontrak pula merangkumi reka bentuk struktur, mekanikal (komponen tilting gate) dan elektrik. Semua dokumen ini disediakan dan ditandatangani oleh Perunding 487791-U termasuk lukisan mekanikal dan elektrikal. Selain itu, Perunding 487791-U dirujuk sepanjang tempoh kontrak untuk menyemak reka bentuk sistem *hydraulic tilting gate* yang dicadangkan oleh kontraktor untuk diluluskan oleh *Superintending Officer* (S.O.).

- d. Akibat pelantikan perunding yang tidak mengikut kod bidang yang sepatutnya, lukisan kontrak dan pengawasan kerja pembinaan yang dilaksanakan bagi projek CW D4 dan D5 tidak diperakui mengikut ketetapan pekeliling dan kelayakan profesional yang sewajarnya. Selain itu, **kedua-dua projek ini bermasalah yang mana sepanjang tempoh 2 tahun**, CW D4 telah mengalami kerosakan sebanyak 14 kali dan tidak lagi beroperasi sehingga kini manakala CW D5 pula tidak berjaya disiapkan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 9 Oktober 2023

Perunding 487791-U perlu memastikan jurutera mekanikal dan jurutera elektrikal disediakan untuk melaksanakan perkhidmatan mekanikal dan elektrikal. Perunding 487791-U telah bersetuju dengan syarat perjanjian dan terma rujukan perkhidmatan perunding semasa surat setuju terima dan perjanjian ditandatangani. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk melaksanakan bidang perkhidmatan mekanikal dan elektrikal, walaupun bidang tersebut adalah di luar pendaftaran dan kelayakan firma.

5.2.4.3. Projek LRK Serantau Batu, Jinjang, Kepong

a. Pelantikan Kontraktor Penyiap

- i. Perenggan 5.1., PK 4.5 menyatakan agensi hendaklah memastikan tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap bagi projek sakit selepas Notis Penamatan dikeluarkan kepada kontraktor asal hendaklah tidak melebihi tiga bulan bagi projek konvensional; dan tidak melebihi enam bulan bagi projek reka dan bina (yang melibatkan pelantikan perunding baharu).
- ii. Semakan Audit mendapati Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor asal telah dikeluarkan pada 27 Oktober 2022 dan proses pelantikan kontraktor penyiap sepatutnya selesai sebelum 27 April 2023. Pada 18 Mei 2023, MoF bersetuju NRECC diberikan pengecualian khas bagi melanjutkan tempoh pelantikan kontraktor penyiap selama tiga bulan sehingga 27 Julai 2023. Namun, pada 26 Julai 2023, JPP telah mengemukakan permohonan kedua bagi lanjutan tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap kepada MoF dengan justifikasi berikut:
 - JPP masih belum menerima keputusan MoF berkaitan pengecualian pematuhan PK 4.5 di mana projek ini akan dilaksanakan secara perolehan reka dan bina yang berbeza dari perolehan asal iaitu secara konvensional; dan

- JPP masih belum menerima *release letter* daripada perunding asal. Terdapat isu tuntutan daripada perunding terhadap reka bentuk yang masih belum selesai.
- iii. Semakan Audit mendapati pada 3 November 2023, MoF telah meluluskan pengecualian khas pematuhan PK 4.5 untuk pelantikan kontraktor penyiap secara kaedah reka dan bina bagi projek LRK Serantau Batu. MoF juga meluluskan pengecualian khas untuk melanjutkan tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap sehingga 27 April 2024.
 - iv. Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap menyebabkan peningkatan kos seperti kos operasi dan penyenggaraan *temporary treatment plant* dan LRK lama di tapak projek, serta kelewatan proses rasionalisasi dan nyahtauliah 163 LRK lama.

b. Reka Bentuk Alternatif

- i. Klaus 11 Perjanjian *Project Delivery Partner* (PDP) menyatakan PDP diberi peluang untuk mengemukakan cadangan reka bentuk alternatif di bawah Opsyen Pembersihan Sungai. Klaus 11.2 (d) pula menyatakan insentif perlu dibayar kepada PDP sekiranya projek yang menerima pakai reka bentuk alternatif terbukti mampu mencapai *Key Performance Indicator* yang ditetapkan berserta penjimatan 20% berbanding kos projek menggunakan reka bentuk asal. Insentif tersebut bernilai 75% daripada kos projek ataupun RM100 juta mana yang lebih rendah.
- ii. Pada 9 Mei 2014, cadangan reka bentuk alternatif oleh PDP telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dianggotai oleh JPP, MoF, SPAN, IWK dan JPS. Antara asas pertimbangan ialah efluen dari loji mematuhi *Modified Standard A*, tempoh pembinaan singkat (36 bulan), penjimatan kos daripada reka bentuk asal berjumlah RM91.80 juta dan kos operasi dan penyenggaraan yang rendah. Semakan Audit mendapati walaupun Kerajaan telah bersetuju dan telah menggunakan reka bentuk alternatif, **Perjanjian Insentif LRK Serantau Batu tidak ditandatangani antara Kerajaan dengan PDP.**
- iii. Semakan Audit mendapati pada 31 Mac 2021, KASA telah mengemukakan permohonan kepada MoF untuk **pertukaran syarat-syarat kontrak dari konvensional perunding kepada reka dan bina**. Berdasarkan maklum balas MoF bertarikh 30 November 2021, **letter of release (surat pelepasan hak reka bentuk) daripada**

perunding reka bentuk alternatif asal hendaklah diperoleh
untuk meneruskan proses tender bagi penyiapan baki kerja.

- iv. Pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam surat bertarikh 8 Mac 2021 juga berpandangan perjanjian yang wajar dimasuki antara pihak-pihak ialah perjanjian pembelian reka bentuk daripada PDP sebagai suatu bentuk penyelesaian perkiraan antara Kerajaan dengan PDP berhubung dengan penerimaan dan penggunaan reka bentuk alternatif tersebut. Pihak AGC juga berpandangan memandangkan perkiraan untuk mendapatkan hak milik dan hak cipta reka bentuk dari PDP adalah di luar daripada peruntukan Perjanjian PDP dan PDP tidak berhasrat meneruskan perkiraan berhubung dengan Perjanjian Insentif Projek LRK Serantau Batu, KWP wajar mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri terlebih dahulu berhubung perkara ini.
- v. Selanjutnya, pada 7 Mac 2023, KSU NRECC telah meluluskan baki penyiapan projek akan dilaksanakan secara reka dan bina. Sehubungan itu, JWP telah melaksanakan dua Mesyuarat Rundingan Harga bersama perunding PDP, bagaimanapun tiada persetujuan berjaya dicapai. Berdasarkan Minit Mesyuarat Rundingan Harga Pembelian Reka Bentuk bagi Projek LRK Serantau Batu Bil. 2 Tahun 2023 pada 9 Mei 2023, pihak perunding tidak bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh JWP berjumlah RM0.85 juta dan masih kekal dengan tuntutan berjumlah RM18 juta. JWP dalam surat kepada MoF pada 8 Ogos 2023 menyatakan **jika isu pembelian reka bentuk ini tidak diselesaikan, pelantikan kontraktor penyelamat tidak dapat dibuat** kerana dikhuatiri akan berlaku isu perundangan antara perunding asal (PDP) dan perunding baharu.
- vi. Setakat 30 Ogos 2023, MoF berpandangan pembelian reka bentuk ini merupakan transaksi pembayaran kepada perunding asal (PDP) tanpa kontrak kerana skop reka bentuk tidak terkandung dalam mana-mana bahagian kontrak Projek LRK Serantau Batu. Sehubungan itu, MoF memohon JWP menyemak dan meneliti perkara ini dan mengemukakannya kepada Jawatankuasa CCP untuk pertimbangan sewajarnya.

Maklum balas JWP yang diterima pada 8 September 2023

JWP dalam tindakan menyediakan kertas pertimbangan untuk diangkat ke Jawatankuasa CCP peringkat JPM.

5.2.5. Operasi dan Penyenggaraan

5.2.5.1. Status Operasi Aset Pembersihan Sungai

- a. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021, Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Ver. 2.0: Perenggan 4.3.4.2 c) iii. (3) menetapkan Agensi hendaklah memastikan semua aset beroperasi dan disenggara dengan baik serta selamat kepada pengguna. Perenggan 4.3.4.2 c) iii. (6) pula menetapkan Agensi hendaklah melaksanakan operasi dan penyenggaraan semua aset di bawah tanggungjawabnya selaras dengan akta, peraturan dan piawaian yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan penjimatan tenaga.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga November 2023, daripada 835 aset pembersihan sungai, **sebanyak 147 (17.6%) tidak beroperasi iaitu 80 (9.6%) berpunca dari kerosakan manakala 67 (8%) telah dirobohkan/tidak boleh digunakan.** Butiran terperinci status operasi aset pembersihan sungai adalah seperti di dalam **Jadual 8.**

JADUAL 8
STATUS OPERASI ASET PEMBERSIHAN SUNGAI SEHINGGA NOVEMBER 2023

BIL.	JENIS ASET	STATUS ASET			JUMLAH
		BEROPERASI	ROSAK	ROBOH	
1.	RWTP	11	2	-	13
2.	WWTP	8	1	1	10
3.	<i>Sullage Water Treatment Plant (Interceptor)</i>	10	-	-	10
4.	Perangkap Sampah	436	25	11	472
5.	<i>Communal Grease Trap (CGT)</i>	207	52	54	313
6.	<i>Storm Water Treatment Plant</i>	-	-	1	1
7.	LRK	16	-	-	16
JUMLAH		688	80	67	835
PERATUS (%)		82.4	9.6	8.0	100

Sumber: Laporan Semakan Pakej Projek *River of Life* oleh JWP, Semakan Fail dan Maklumat dari Agensi Pelaksana serta Lawatan Fizikal

i. Kerosakan Aset

- Semakan Audit terhadap Laporan Semakan Pakej Projek *River of Life* yang disediakan oleh JWP, laporan penyenggaraan dan hasil lawatan fizikal Audit mendapati antara punca kerosakan ialah masalah mekanikal dan elektrik, kecurian kabel, *log boom* putus dan masalah bekalan elektrik. Analisis Audit juga telah dilaksanakan terhadap sampel 21 kerosakan untuk menentukan tempoh pembaikan diambil oleh agensi pelaksana. Analisis Audit menunjukkan tempoh pembalikan bagi 10 aset adalah antara tiga bulan hingga empat tahun tiga bulan

manakala baki 11 kerosakan masih belum dibaiki. Butiran terperinci aset, punca kerosakan dan kesannya adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SAMPLE KEROSAKAN ASET, TEMPOH PEMBAIKAN DAN KESAN KEROSAKAN

BIL.	NAMA/FUNGSI ASET	JABATAN/AGENSI	JUMLAH ROSAK (Unit)	SEBAB ROSAK	TEMPOH ROSAK	KESAN
1.	<i>Trash Rake</i> / Memerangkap sampah di sungai dan berfungsi secara automatik	JPS	8	Masalah Mekanikal dan Elektrikal (M&E) dan kecurian kabel seperti dalam Gambar 22 dan Gambar 23	Belum dibaiki (Tiada maklumat tarikh mula rosak)	Kutipan sampah tidak cekap kerana dipungut secara manual seperti dalam Gambar 24
2.	<i>Log Boom</i> / Memerangkap sampah di sungai	JPS	8*	<i>Log boom</i> putus seperti dalam Gambar 25	3 hingga 19 bulan	Anggaran 69.62 tan sampah tidak terperangkap (terlepas ke sungai)
3.	WWTP/ Merawat air buangan dari pasar	MPS	1	Bekalan elektrik	Belum dibaiki (Rosak sejak 06.07.2017)	Air buangan dari Pasar Moden Sri Gombak tidak dirawat dan dilepaskan terus ke longkang
4.	SWTP/ Merawat air buangan dari restoran, hotel dan premis perniagaan	DBKL	1	Kebakaran di bilik kawalan SWTP St. Mary	4 tahun 3 bulan (15.06.2018 hingga 13.09.2022)	SWTP St. Mary tidak beroperasi selama 1,552 hari. Kesan: air buangan tidak dirawat sebelum dilepaskan ke sungai
5.	RWTP/ Merawat air sungai	JPS	3	Isu di <i>inlet</i> , kerosakan pam, paip <i>blower</i> patah seperti dalam Gambar 26	<ul style="list-style-type: none"> Benteng 1 - 352 hari (01.12.2022 hingga 17.11.2023) 2 belum dibaiki. Rosak sejak: <ul style="list-style-type: none"> Kerayong 1 (November 2019) Batu 1 (Disember 2021) 	Air sungai tidak dirawat dan kualiti air sungai tidak dapat ditingkatkan
JUMLAH		21				

Sumber: Laporan Semakan Pakej Projek *River of Life* oleh JWP, Semakan Fail dan Maklumat di Agensi Pelaksana serta Lawatan Fizikal


Nota: (*) - *Log Boom* yang Disenggara Menggunakan Peruntukan Penyenggaraan RoL

GAMBAR 22



Trash Rake, Benteng 2
 - Trash Rake Tidak Beroperasi Disebabkan
 Masalah M&E
 (02.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Trash Rake, Kolam Sri Johor
 - Pendawaian dalam Panel Kawalan
 Telah Dipotong
 (01.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24



RoL Batu 2-Sg Batu/Gombak Barrage A6
 - Keadaan Pungutan Sampah di *Trash Rake* Dilaksanakan Secara Manual
 (17.06.2022 dan 15.06.2022)
 (Sumber: Laporan Penyenggaraan *Trash Rake*)



GAMBAR 25



Sg. Belongkong
 - Keadaan *Log Boom* Putus
 (18.03.2021)
 (Sumber: Laporan Penyenggaraan Pembersihan)

GAMBAR 26



RWTP Benteng 1
 - Paip Blower Patah Menyebabkan
 RWTP Tidak Beroperasi
 (02.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Antara sebab agensi pelaksana lewat mengambil tindakan pemberaikan adalah termasuk kekurangan peruntukan penyenggaraan. Semakan Audit terhadap permohonan peruntukan penyenggaraan bagi tahun 2018 hingga 2022 mendapati peruntukan penyenggaraan yang diterima ialah antara 17% hingga 83.1% sahaja berbanding jumlah yang diperlukan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERMOHONAN DAN TERIMAAN PERUNTUKAN PENYENGGARAAN
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

TAHUN	PERMOHONAN (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERATUS TERIMAAN (%)
2018	21.90	7.18	32.8
2019	78.53	13.34	17.0
2020	33.47	10.91	32.6
2021	19.00	15.79	83.1
2022	16.93	11.98	70.8
JUMLAH	169.83	59.20	

Sumber: Surat Menyurat Permohonan Penyaluran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2018 Hingga 2022

Maklum balas MPS yang diterima pada 3 Ogos 2023

MPS bercadang untuk membaiki WWTP Pasar Moden Seri Gombak setelah mendapatkan pandangan kedua daripada pembekal yang pakar mengenai punca sebenar kerosakan dan kos pembaikan pada bulan September 2023.

Maklum balas JPS yang diterima pada 8 September dan 10 Oktober 2023

Trash Rake

Pada peringkat awal, *trash rake* boleh digunakan secara automatik, *local timer* atau manual. Bagaimanapun, akibat pengumpulan mendakan pasir telah menyebabkan *trash rake* tidak boleh beroperasi secara automatik. Oleh yang demikian, mode *local timer* telah digunakan. Tetapi sejak kejadian kecurian dan vandalisme, *trash rake* tersebut telah dioperasikan secara manual sahaja.

RWTP

Penambahbaikan akan dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan semua RWTP.

- a. RWTP Batu 1 - pelawaan perunding reka bentuk untuk membaiki masalah di *inlet* akan dibuat pada April 2024 dan pelawaan kerja fizikal dijangka pada Februari 2025.
- b. RWTP Kerayong 1 - kerosakan pam selam masih belum dibaiki kerana telah digugurkan dari kontrak kerana melibatkan tempoh penghantaran yang lama (barang import). Akan dibaiki pada tahun 2024.

ii. Aset Dirobohkan/Tidak Boleh Digunakan

Semakan Audit mendapati sehingga November 2023, sebanyak 67 aset telah dirobohkan atau tidak lagi beroperasi kerana terdapat projek pembinaan di lokasi aset, aset telah ditutup, aset dikambus oleh pemaju dan peruntukan tidak mencukupi seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ASET YANG DIROBOHKAN/TIDAK BOLEH BEROPERASI

BIL.	JENIS ASET	AGENSI	BILANGAN (Unit)	SEBAB DIROBOHKAN/TIDAK BEROPERASI
1.	CGT	MPS	29	Terdapat projek pembinaan di kawasan CGT
2.	CGT	DBKL	25	CGT telah ditutup/pindah
3.	<i>Gross Pollutant Trap (GPT)</i>	JPS	11	<ul style="list-style-type: none"> Telah dikambus oleh pemaju Penduduk kampung bina kedai di atas GPT Telah dikambus dengan konkrit GPT telah pecah dan tidak boleh digunakan
4.	WWTP	DBKL	1	<ul style="list-style-type: none"> WWTP Pasar Harian Selayang telah dirobohkan untuk pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Tarikh roboh pada 28.08.2017
5.	<i>Storm Water Treatment Plant</i>	MPAJ	1	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan kewangan tidak mencukupi untuk membaiki kerosakan di loji Henti operasi sejak Disember 2013
JUMLAH			67	

Sumber: Laporan Semakan Pakej Projek *River of Life* oleh JWP, Semakan Fail dan Maklumat dari Agensi Pelaksana serta Lawatan Fizikal

Maklum balas JWP yang diterima pada 3 Ogos 2023, 8 September 2023 dan 22 November 2023

JWP sedang menyelaras tadbir urus penyenggaraan aset RoL seperti berikut:

- Aset-aset di bawah Komponen Pembersihan Sungai akan diserahkan ke NRECC bagi tujuan penyenggaraan;
- Aset-aset di bawah Komponen Pengindahan Sungai akan diselenggara oleh agensi pelaksana iaitu DBKL dan JPS;
- Penyerahan kepada NRECC dijangka selesai pada bulan Disember 2024; dan
- Laporan status aset RoL akan dibentangkan dalam mesyuarat CIC dan tindakan sewajarnya akan diambil bagi aset yang dikenal pasti tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Maklum balas MPAJ yang diterima pada 3 Ogos 2023

Untuk aset *Storm Water Treatment Plant*, MPAJ ada mengemukakan permohonan pada November 2013 bagi mendapatkan peruntukan mengurus namun tidak diluluskan. Anggaran kos bagi meneruskan operasi dijangka akan melibatkan kos yang tinggi. Selain itu, terdapat RWTP Sungai Kemensah milik JPS yang berada 500 meter di bahagian hilir sungai yang telah siap pada tahun 2013. Keberadaan dan kewujudan loji tersebut dapat menampung kapasiti keperluan yang gagal disumbangkan oleh SWTP ketika ini.

5.2.5.2. Penyenggaraan Berkala - *Sullage Water Treatment Plant (SWTP)*

- a. Sebanyak 10 *Sullage Water Treatment Plant* (SWTP) bersama sistem *interceptor* telah dibina oleh DBKL bagi tujuan menyalurkan *sullage/trade waste* dari bengkel, restoran dan lain-lain premis untuk dirawat sebelum dilepaskan ke sungai. Semakan Audit mendapati **sehingga 16 Julai 2023, 10 SWTP tidak disenggara secara berkala dengan tempoh antara 21 hingga 1,568 hari** seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12
TEMPOH PENYENGGARAAN BERKALA SWTP (SEHINGGA 16 JULAI 2023)**

BIL.	NAMA SWTP	TAMAT PENYENGGARAAN	TEMPOH TIADA PENYENGGARAAN (Hari)
1.	<i>Plant 1 St.Mary (Pakej P7)</i>	31.03.2019	1,568
2.	<i>Plant 2 Masjid Jamek (Pakej P7)</i>		
3.	<i>Plant 3 LRT Pasar Seni (Pakej P7)</i>		
4.	<i>Plant 4 Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) (Pakej P7)</i>		
5.	Lorong Bunus (Pakej 1C1D)	23.12.2022	205
6.	Tiong Nam (Pakej 3A3B)	23.03.2023	115
7.	Sg. Busuk (Pakej 3A3B)		
8.	Sg. Untut (Pakej 3A3B)		
9.	Jalan Syed Putra (Pakej 4A4B)	25.06.2023	21
10.	Jalan Kinabalu (Pakej 4A4B)		

Sumber: Laporan Penyenggaraan Berkala oleh Kontraktor, Maklum Balas JPS dan Lawatan Fizikal

- b. Perkara ini berlaku kerana tiada kontraktor penyenggaraan dilantik selepas tempoh *defect liability period* (DLP) tamat. DBKL juga tidak melantik kontraktor penyenggaraan baharu kerana tidak mempunyai kepakaran dalam penyeliaan kerja penyenggaraan SWTP. Sehingga kini, semua SWTP dan *interceptor* masih belum diserahkan oleh JWP secara rasmi kepada JPS untuk penyenggaraan.
- c. Kegagalan melaksanakan penyenggaraan memberikan risiko peralatan dan sistem SWTP rosak/tidak berkesan kerana tidak diperiksa, dibersihkan dan disenggara mengikut tempoh sepatutnya (peralatan M&E, biomedia, pam dan lain-lain). Selain itu, jangka hayat dan keberkesanan loji turut terjejas. Keberkesanan SWTP dalam merawat air buangan juga tidak dapat ditentukan kerana pensampelan kualiti influen dan efluen tidak dilaksanakan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 5 September 2023

Kontrak penyenggaraan bagi lima SWTP telah dilaksanakan bagi tempoh mulai 17 Julai 2023 hingga 16 Julai 2024 dengan kos berjumlah RM408,600. Kontrak penyenggaraan untuk baki dua SWTP (Pakej 4A4B) masih dalam proses panggilan sebut harga manakala baki tiga SWTP (Pakej 3A3B) masih belum dikeluarkan *Certificate of Making Good Defects* (CMGD).

Pendapat Audit	Kerosakan dan kelemahan penyenggaraan aset pembersihan sungai menyebabkan fungsi aset untuk merawat air sungai/air buangan serta menghalang sampah daripada memasuki sistem sungai tidak tercapai. Kelemahan ini secara langsung telah menyebabkan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti air sungai RoL ke Kelas IIB tidak tercapai.
-----------------------	--

5.2.5.3. Pencahayaan di Kawasan Pengindahan Sungai

- a. Komponen pengindahan sungai merangkumi pemasangan lampu-lampu taman dan kawasan di sepanjang 10.7 km Sungai Klang dan Sungai Gombak. Konsep pencahayaan telah dinyatakan dalam *Design Guidelines* dan *Schematic Design* yang menerangkan spesifikasi dan lokasi lampu di sekitar RoL. Berdasarkan Pelan Lampu dalam *Schematic Design, Guiding Lights* perlu dipasang secara bersiri di sepanjang sungai untuk membantu pejalan kaki pada waktu malam.
- b. Lawatan Audit di sekitar *Interpretive Terrace*, Masjid Jamek pada 24 Februari 2023 mendapati *guiding light* tidak menyala manakala bagi lampu di *Interpretive Terrace* tidak menyala dan tidak digantikan seperti mana spesifikasi asal. Keadaan lampu adalah seperti dalam **Gambar 27** hingga **Gambar 30**.

GAMBAR 27



Interpretive Terrace, Masjid Jamek
- Lampu L5.2 Tidak Menyala
(24.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 28



Interpretive Terrace, Masjid Jamek
- Lampu L8-1 Tidak Menyala
(24.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 29



Interpretive Terrace, Masjid Jamek
 - Lampu L10-1 Tidak Menyala dan Digantikan
 Dengan Lampu *Floodlight* yang
 Tidak Mengikut Spesifikasi Asal
 (24.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 30



Guiding Light, Masjid Jamek
 - *Guiding Light* yang Tidak Menyala
 (24.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Lampu tidak menyala kerana kebanyakan taliyan wayar lampu pencahayaan RoL telah rosak akibat vandalisme dan banjir besar yang berlaku pada Disember 2021 dan Januari 2022. Penggantian lampu yang tidak patuh kepada spesifikasi asal menyebabkan kesan (effects) tidak seperti reka bentuk dalam *Design Guidelines*.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 8 September 2023

Dalam keadaan semasa, spesifikasi aset lampu RoL belum diambil kira dalam kontrak penyenggaraan terkini kerana kerja penyenggaraan lampu perlu dilaksanakan segera menggunakan kontraktor penyenggaraan berpenggal yang sedia ada dengan kaedah *corrective maintenance*. Pihak DBKL dalam tindakan pelantikan kontrak pengurusan fasiliti (Facility Management) yang akan ditender pada Oktober 2023. Dalam kontrak ini, spesifikasi aset lampu RoL akan diambil kira untuk kerja penyenggaraan oleh kontraktor yang dilantik.

5.2.5.4. Biogas Combined Heat Power (CHP) Generator di LRK Serantau Bunus Masih Belum Boleh Digunakan

- a. Projek LRK Serantau Bunus telah siap dan dikeluarkan CPC pada 17 Mac 2018. Lawatan fizikal Audit pada 23 Mac 2023 mendapati Biogas CHP Generator di LRK Serantau Bunus tidak dilaksanakan *testing and commissioning* (T&C) dan masih belum boleh digunakan sejak dipasang pada 17 Mac 2018. Keadaan Biogas CHP Generator adalah seperti dalam **Gambar 31** dan **Gambar 32**.

GAMBAR 31



GAMBAR 32



Digester Facility Building, Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bunus, Kuala Lumpur
 - CHP Generator yang Masih Belum Digunakan dan Belum Dijalankan T&C Sejak 17 Mac 2018
 (20.03.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- b. Perkara ini disebabkan kapasiti biogas yang dihasilkan daripada kumbahan di *anaerobic digester* tidak mencukupi kerana LRK Serantau Bunus masih belum menerima aliran kumbahan dari projek paip pembetungan dan rasionalisasi LRK yang belum disiapkan. Akibatnya, pemasangan dua unit Biogas CHP Generator dan lain-lain peralatan berkaitan dengan kos RM4 juta tidak dapat dibuktikan kebolehfungsiannya.

Maklum balas JPP yang diterima pada 8 September 2023

Pihak perunding telah mengemukakan aku janji untuk melaksanakan T&C CHP Generator apabila kapasiti biogas telah mencukupi. Pihak pembekal telah mengemukakan pelan tindakan T&C dan telah memulakan kerja-kerja sebagaimana dalam pelan tindakan untuk melaksanakan T&C CHP Generator pada 28 Ogos 2023. Kini, pihak pembekal dalam persediaan untuk memulakan T&C dan dijangka T&C bagi CHP generator akan dilaksanakan pada pertengahan bulan September 2023.

Pendapat Audit

Peralatan Biogas CHP Generator yang belum dilaksanakan T&C boleh mengakibatkan risiko ia tidak berfungsi dengan baik dan tempoh jaminan pembekal tamat kerana peralatan telah lama terpasang di tapak.

5.2.5.5. Business Model RoL

- a. Memorandum daripada Perdana Menteri bertarikh 22 November 2019 menyatakan KWP perlu mengenal pasti *business model* terbaik untuk membantu **menjana pendapatan bagi penyenggaraan dan aktiviti RoL dalam mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan.**

- b. Berdasarkan Kertas Cadangan Potensi Penjanaan Pendapatan Presint 7 RoL – Pelaksanaan Cadangan *Business Model* RoL di P7, KSU KWP pada 15 Disember 2020 bersetuju supaya pelaksanaan *Business Model* menggunakan kaedah *Request for Proposal* bagi penyewaan kawasan lapang dan pengiklanan di Presint 7 RoL yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi pihak Kementerian. Selain itu, **pendapatan daripada pelaksanaan *Business Model* RoL** ini termasuk hasil penyewaan aset-aset RoL yang terlibat di dalam Program Usahawan Anak Muda Kota dapat **dimasukkan ke Tabung Amanah RoL bagi tujuan mengurangkan beban kos penyenggaraan RoL**.
- c. Kemudian, pada 12 Januari 2021, JWP telah mengemukakan kertas berkenaan kepada DBKL untuk penelitian dan pertimbangan untuk pelaksanaan. Pada 21 Ogos 2023, DBKL **secara dasarnya bersetuju dengan kertas cadangan** bagi tujuan membiayai penyenggaraan aset-aset RoL.
- d. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Mei 2023, hanya 30 (55.6%) daripada 54 kemudahan telah disewakan dengan hasil berjumlah RM1.01 juta. Namun, semakan Audit terhadap Laporan Baki Pelanggan Terperinci mendapati hanya sejumlah **RM354,695 (35.1%) hasil sewa telah berjaya dikutip**. Pihak Audit mendapati semua hasil sewa yang diterima **telah dimasukkan ke Akaun DBKL** tidak seperti yang dipersetujui oleh KSU KWP pada 15 Disember 2020.
- e. Semakan Audit juga mendapati tunggakan sewa setakat 31 Mei 2023 adalah berjumlah RM170,025 (16.8%) kerana sejumlah RM485,042 (48.1%) telah diberi diskain/pelarasian. Pelarasian/diskain sewa telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Bangunan atas pelbagai faktor seperti Perintah Kawalan Pergerakan dan untuk membantu penjaja dan peniaga kecil yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Maklum balas JWP yang diterima pada 22 November 2023

Pada 12 September 2023, Ketua Pengarah, JWP telah memutuskan hala tuju baharu berkenaan penubuhan Akaun Amanah RoL seperti berikut:

- a. Tidak mewujudkan Tabung Amanah Projek RoL memandangkan hasil kutipan sewaan aset-aset RoL adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan kos penyenggaraannya;
- b. Kutipan hasil sewaan aset-aset RoL ditadbir urus oleh pihak DBKL bermula daripada tarikh siap projek seperti mana tatacara pengurusan hasil di DBKL; dan

- c. Pewujudan kod *General Ledger* atau Vot khas projek RoL di DBKL bagi memudahkan JWP memantau penjagaan aset-aset RoL serta memastikan ketelusan perbelanjaan yang dibuat menggunakan dana hasil kutipan aset RoL.

Maklum balas DBKL yang diterima pada 23 November 2023

DBKL telah memaklumkan semasa Mesyuarat Berkenaan Hala Tuju Penubuhan Akaun Amanah Projek RoL bahawa cadangan pewujudan Tabung Amanah RoL adalah kurang bersesuaian dengan tatacara pengurusan kewangan sedia ada di DBKL. Pihak JWP juga menyatakan tiada halangan bagi DBKL untuk menggunakan hasil kutipan sewaan aset RoL untuk menyenggara aset RoL.

Pendapat Audit | ***Business model* yang disediakan tidak komprehensif kerana hanya merangkumi kawasan pengindahan sungai Presint 7. Kemudahan RoL yang tidak disewakan, prestasi kutipan sewa yang kurang memuaskan dan pengurusan hasil sewa yang tidak selaras dengan *business model* menyebabkan objektifnya untuk mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan Kerajaan bagi tujuan penyenggaraan aset RoL tidak tercapai.**

5.2.6. Pewartaan Rizab Sungai RoL

- a. Rizab sungai ialah suatu jalur tanah yang bersebelahan kedua-dua tebing sungai yang diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN). Sebanyak empat juruukur telah dilantik oleh JPS untuk melaksanakan kerja ukur pewartaan rizab sungai RoL dengan kos kontrak keseluruhan berjumlah RM0.93 juta. Tempoh kontrak adalah mulai Oktober 2016 hingga Oktober 2017. Skop perkhidmatan ialah untuk menyediakan semua data ukur tanah dan maklumat yang diperlukan untuk penyediaan pelan dan dokumen pewartaan sempadan kepada pihak berkuasa tanah termasuk pemasangan tanda sempadan bagi rizab sungai di Sungai Gombak (33 km), Sungai Keroh (12 km), Sungai Jinjang (14 km) dan Sungai Batu (20 km).
- b. Semakan Audit mendapati proses pewartaan masih belum selesai walaupun kontrak perkhidmatan telah tamat pada bulan Oktober 2017. Bagi Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Keroh, Pelan Pra-hitungan telah dikemukakan semula kepada Pejabat Tanah Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) pada 3 Mei 2023 dan JPS Selangor pada 7 April 2023. Bagi Sungai Jinjang pula, Pelan Akui daripada pihak JUPEM WPKL masih belum diterima oleh JPS.

- c. Perkara ini disebabkan oleh kelewatan oleh JPS mengemukakan maklum balas kepada PPTG WPKL. Berdasarkan semakan Audit, pada 18 Februari 2019, PPTG WPKL telah mengembalikan keempat-empat pelan permohonan perizinan di bawah Seksyen 62 KTN yang telah disemak untuk tindakan pembetulan oleh JPS. Bagaimanapun, JPS mengambil masa selama 1,535 hari untuk mengemukakan maklum balas pindaan bagi tiga sungai iaitu pada 3 Mei 2023. Manakala bagi Sg. Jinjang, JPS telah mengemukakan Pelan Pra-Perhitungan kepada PPTG WPKL pada 10 Disember 2020.
- d. Oleh yang demikian, jajaran sungai RoL masih belum diwartakan sebagai rizab sungai. Kelemahan ini boleh mengakibatkan pelbagai risiko seperti kesukaran melaksanakan kerja operasi dan pemuliharaan sungai, kurangnya pengawalan terhadap penggunaan tanah bagi tujuan pertanian atau apa pun tujuan lain dan juga pembinaan struktur tanpa kawalan yang rapi merentasi sungai dan di dalam sungai.

Maklum balas JPS yang diterima pada 8 September 2023

Selepas menerima ulasan PPTG WPKL terhadap pelan pra perhitungan, pada 21 Mei 2019, JPS telah mengeluarkan surat kepada tiga juruukur mengemas kini semula pelan pra hitungan. Walaupun perjanjian telah tamat, kesemua pelan pra hitungan tersebut adalah masih di bawah tanggungjawab juruukur tersebut. JPS telah meminta juruukur untuk memaklumkan permohonan status pewartaan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2019. Bagaimanapun, tiada maklum balas daripada juruukur.

Pendapat Audit | Pewartaan rizab sungai yang belum selesai meningkatkan risiko pencerobohan kawasan dan keselamatan aset RoL.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek ini berjaya mencapai objektifnya, Kerajaan dan Agensi terlibat hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 6.1. JWP hendaklah melaksanakan penilaian semula untuk menentukan sama ada projek yang masih dalam peringkat pra pelaksanaan perlu diteruskan dengan mengambil kira aspek peruntukan kewangan untuk pelaksanaan dan penyenggaraan projek serta sumbangan projek berkenaan kepada pencapaian objektif RoL;
- 6.2. JWP bersama semua Agensi Pelaksana hendaklah menambahbaik *business model* RoL sedia ada dengan lebih komprehensif pada kadar segera supaya isu penyenggaraan, aset rosak dan terbiar dapat diselesaikan;

6.3. JWP dan Agensi Pelaksana hendaklah meningkatkan pemantauan di tapak supaya projek dapat disiapkan mengikut tempoh dan spesifikasi ditetapkan serta mengelakkan Kerajaan terus menanggung peningkatan kos akibat kelewatan projek; dan

6.4. JPP, DBKL dan JPS hendaklah meningkatkan aspek tatakelola projek supaya semua peraturan kewangan serta terma dan syarat kontrak dipatuhi.